

Jilid II
Bil. 13



Hari Khamis
29hb Mac, 1984

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Lawatan Delegasi Dewan Perhimpunan Yugoslavia ke Malaysia [Ruangan 1873]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1873]**

USUL:

**Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985)
[Ruangan 1916]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P.,
D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri,
DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR
NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M.,
A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJIAH AISHAH
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGGU DATO'
AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

- Yang Berhormat Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAF WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOI ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).

- Yang Berhormat TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N.
(Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P.
(Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N.,
J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).

Yang Berhormat TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).

„ TUAN MARK KODING (Kinabalu).

„ DR KOH TSU KOON (Tanjong).

„ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

„ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

„ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

„ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).

„ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

„ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

„ TUAN LING SIE MING (Sibu).

„ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K.
(Ulu Nerus).

„ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).

„ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B.
(Nilam Puri).

„ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).

„ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.
(Matang).

„ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K.,
K.M.N. (Kuala Kedah).

„ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).

„ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).

„ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).

„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).

„ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).

„ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

„ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).

„ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S.,
B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).

„ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).

„ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

- Yang Berhormat DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K.
(Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K.
(Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P.B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 29hb Mac, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-
perergusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUA

LAWATAN DELEGASI DEWAN
PERHIMPUNAN YUGOSLAVIA
KE MALAYSIA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, di dalam Dewan pada hari ini ada delegasi dari Dewan Perhimpunan Sosialis Federal Republik Yugoslavia yang diketuai oleh Presidennya, T. Y. T. Vojo Srzentic dan ahli-ahli delegasinya yang sedang dalam lawatan ke Malaysia untuk mengeratkan lagi tali persahabatan di antara Yugoslavia dan Malaysia. Kita mengalu-alukan kehadiran mereka itu (*Tepuk*) dan kita berharap mereka akan bergembira semasa mereka di negara kita.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

INSTITUSI LATIHAN
PENERANGAN—PENUBUHAN

1. **Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Penerangan menyatakan benarkah pihak Kementerian akan

mewujudkan sebuah Institusi Latihan Penerangan kepada Pegawai-pegawai Penerangan di negara ini; jika benar;

(a) di manakah Institusi Latihan Pegawai-pegawai Penerangan itu akan diwujudkan; dan bilakah akan dimulakan; berapa lama seseorang Pegawai itu dikehendaki menamatkan kursusnya;

(b) apakah dasar-dasar penerangan yang akan dimasukkan ke dalam kurikulum latihan itu; dan

(c) bagaimana cara pengambilan peserta-pesertanya. Adakah Pegawai-pegawai yang baru atau terbuka kepada semua Pegawai-pegawai Penerangan lama dan baru.

Menteri Penerangan (Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam):
Tuan Yang di-Pertua,

(a) Jabatan Penerangan Malaysia telah memperolehi sebidang tanah lebih dari 2 ekar di pantai Port Dickson Negeri Sembilan untuk membina Institut Latihan Pegawai-pegawai Penerangan yang telah dipersetujui dibina dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Pembinaan Institut ini terpaksa ditangguhkan dahulu kerana kewangan negara tidak mengizinkan.

Institut ini adalah untuk latihan Pegawai-pegawai Penerangan yang sedang

berkhidmat. Ini bermakna kursus di Institut akan merupakan kursus-kursus pendek yang tidak melebihi 9 bulan.

- (b) Segala isi kandungan dasar Kerajaan dan cara penyampaiannya serta alat-alatan yang digunakan untuk menyampaikan dasar Kerajaan akan menjadi sebahagian dari kurikulum latihan di institut.
- (c) Institut tersebut mempunyai dua cara pengambilan peserta, pertama ialah pada pegawai-pegawai yang baru dilantik dan yang kedua ialah pada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan tujuan melengkap kegiatan-kegiatan penerangan dengan fakta-fakta terbaharu, cara-cara terbaharu dan bentuk penyampaian yang baru dengan maklumat-maklumat diperolehi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana jawapan Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan bahawa Institut ini akan menerangkan dasar-dasar Kerajaan dan juga kemungkinan akan menerangkan Dasar Ekonomi Baru. Dan apakah Institut ini juga akan terbuka keahliannya untuk menyertai kursus ini kepada orang-orang politik terutamanya daripada pihak Pembangkang yang ingin memasukinya.

Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat terkeluar sedikit dari landasan. Dia hendak tibai sedikit (*Ketawa*).

Tuan Hassan bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah kerana kurang kursus-kursus penerangan diberi oleh pihak Kementerian Penerangan

kepada pegawai-pegawainya maka dalam peristiwa krisis Perlembagaan baru-baru ini rakyat ramai tidak banyak mendapat penjelasan yang secukupnya daripada pihak Pegawai-pegawai Penerangan atau kalau mendapat penjelasan tetapi tidak mencukupi cara-cara penerangan dan penjelasannya yang amat terbatas.

Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dari segi penubuhan Institut ini ialah melatih pegawai-pegawai kita dari segi kaedah penyampaian penerangan dan saya yakin bahawa dalam masalah pindaan Perlembagaan dulu dari segi kaedahnya kita berjaya sehingga dapat menyelesaikan isu pindaan Perlembagaan itu dengan masa yang sewajarnya.

Ini mencerminkan kemampuan Pegawai-pegawai Penerangan kita mengendalikan masalah terutama sekali dari segi perang saraf dan gerak saraf negara.

MAKTAB PERGURUAN DI SABAH—GURU-GURU PELATIH

2. Tuan Hassan Alban bin Sandukong minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk menambah bilangan guru-guru pelatih tempatan di Maktab-maktab Perguruan di Sabah.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kementerian Pelajaran untuk mengisi tempat-tempat untuk kursus perguruan asas di Maktab-maktab Perguruan di Sabah dengan calon-calon tempatan. Calon dari Semenanjung akan hanya diambil jika sekiranya tempat tersebut tidak dapat dipenuhi oleh calon tempatan.

Penempatan calon-calon dari Semenanjung di Maktab-maktab di Sabah adalah juga bertujuan untuk menggalakkan integrasi guru pelatih dari semua negeri.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan dasar tersebut maka langkah-langkah yang berikut telah diambil demi untuk menambahkan calon-calon tempatan di Sabah.

Calon-calon dari Sabah diberikan kelonggaran dari segi pencapaian minima dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di mana mereka tidak di-syaratkan mempunyai 4 kelulusan peringkat kepujian, memadai dengan Sijil Pelajaran Malaysia sahaja dengan kepujian dalam mata pelajaran tertentu mengikut keperluan kursus-kursus berkenaan.

Kelulusan minima dalam Bahasa Malaysia juga dilonggarkan bagi calon-calon dari Sabah di mana mereka tidak diwajibkan mempunyai pangkat kepujian dalam mata pelajaran tersebut. Calon yang mempunyai kelulusan peringkat lulus juga dipertimbangkan.

Walau bagaimanapun, sukacitalah dinyatakan di sini bahawa kelonggaran itu akan diberi dengan syarat ia tidak terlalu menjejaskan keseluruhannya bakal calon yang akan diambil sebagai guru pelatih kerana Kementerian Pelajaran akan tetap berusaha ke arah meningkatkan kualiti latihan demi untuk menjamin satu pengeluaran yang lebih baik.

Seterusnya usaha juga dijalankan untuk meluaskan lagi sebarang maklumat mengenai latihan perguruan asas ini di sekolah-sekolah di pendalaman melalui usaha sama Pejabat Pelajaran Daerah dan Radio/TV Pendidikan.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada kekurangan guru yang agak

teruk bagi sekolah-sekolah bukan sahaja di sekolah rendah tetapi juga di sekolah menengah, apakah Kerajaan bercadang untuk memperbanyakkan pengambilan bakal-bakal guru menghadiri kursus-kursus diploma pendidikan di universiti-universiti tempatan dalam negara ini.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, untuk sekolah menengah kursus-kursus untuk diploma pendidikan di universiti-universiti tempatan telah pun dijalankan dan tambahan tempat-tempat untuk guru telah pun ditambah tahun demi tahun.

WANITA ISLAM MENDEDAHKAN KEBURUKAN DIRI

3. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar akhir-akhir ini telah menjadi suatu kemegahan bagi sebilangan kecil wanita Islam mendedahkan keburukan diri sendiri yang bertentangan dengan akidah Islam dengan menjualkan cerita mereka kepada akhbar dan majalah bagi mendapatkan bayaran. Apakah tindakan yang beliau akan ambil bagi menasihati penerbit-penerbit majalah dan akhbar ini supaya jangan menerbitkan cerita-cerita ini kerana akhbar dan majalah ini dengan mudah boleh dibeli dan dibaca oleh belia-belia dan penuntut-penuntut sekolah, dan berkemungkinan meracuni fikiran mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Kerajaan mengamalkan sikap liberal terhadap akhbar tetapi Kerajaan tetap akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana akhbar yang melanggar syarat-syarat permit penerbitan itu diluluskan. Di antara syarat-syarat yang saya maksudkan ialah bahawa pihak penerbit tidak boleh menerbitkan bahan

yang memudaratkan ketenteraman awam, akhlak mulia atau keselamatan negara.

Di antara tindakan yang telah dan terus akan diambil oleh pihak Kementerian Dalam Negeri ialah dengan menasihati atau memberi amaran kepada penerbit berkenaan supaya tidak melakukan sebarang pendedahan dalam rencana mereka yang boleh menjejaskan akhlak mulia rakyat Malaysia. Pihak Kementerian Dalam Negeri berpuas hati dengan sikap positif yang ditunjukkan oleh penerbit akhbar dalam perkara ini. Namun demikian pihak Kementerian Dalam Negeri akan sentiasa mengawasi perkara ini supaya tidak menjadi wabak yang boleh menjejaskan akhlak mulia atau ketenteraman awam.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan pepatah yang berbunyi: yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan, adakah pendedahan-pendedahan yang pernah dibuat oleh beberapa orang wanita di akhbar-akhbar tempatan mengenai perbuatan-perbuatan maksiat yang pernah mereka lakukan itu boleh dianggap sebagai baik.

Jika ya, adakah Kerajaan akan mengusahakan supaya memperbaiki cara-cara persembahan ataupun penyampaian artikel-artikel tersebut di dalam akhbar-akhbar seperti dengan memuatkan kata-kata taubat daripada wanita-wanita yang berkenaan ataupun kata-kata nasihat kepada wanita-wanita lain agar tidak mengikuti jejak langkah yang mereka lakukan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, soal pendedahan ini merupakan sesuatu yang kita sebagai rakyat Malaysia perlu bertanggungjawab. Jikalau pendedahan itu berpotensi menjejaskan akhlak mulia maka kita terpaksa menghindarkannya. Pada hemat saya, orang-orang yang ingin mendedah atau sesiapa sahaja yang bercadang untuk mendedah, memikir

dengan semasak-masaknya, sebab, sebagaimana saya menyatakan sekejap tadi, jikalau kita tidak berhati-hati dalam soal ini, masyarakat kita, khususnya jenerasi muda akan terlibat.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri adakah pada pendapat Kementerian Dalam Negeri bahawa pendedahan yang dilakukan oleh wanita-wanita itu selama beberapa bulan kebelakangan ini tidak menjejaskan akhlak mulia tetapi pendapat saya dan juga pendapat wanita keseluruhannya bahawa perbuatan ini adalah menjejaskan akhlak mulia wanita dan menjatuhkan maruah dan imej wanita Malaysia.

Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Dalam Negeri sama ada terhadap mereka yang mendedahkan pengakuan kelakuan mereka itu dan juga pihak yang menerbitkannya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, dua perkara yang saya hendak nyatakan di sini, pertama sebagaimana saya kata tadi kita mengamalkan sikap liberal tetapi dalam pengamalan sikap liberal kita itu janganlah kita menyalahgunakan apa yang terdapat dalam pengertian sikap liberal itu. Kita pula jangan lupa akan falsafah bahawa setiap kebebasan yang diberi perlu disambut dengan penuh tanggungjawab terhadap masyarakat. Soal accountability, dengan izin, perlu difahami dan dipraktikkan kerana ianya berupaya menimbal balik sikap liberal Kerajaan. Kerajaan apakala mendapat sesuatu makalah atau sesuatu tulisan yang menjejaskan akhlak mulia akan menjemput penerbit yang berkenaan datang ke pejabat yakni bagi pihak kami, menjemput pihak penerbit berkenaan, datang ke Kementerian Dalam Negeri. Oleh sebab kami mengamalkan sikap liberal kami tidak bertindak dengan sewenang-wenangnya, iaitu sesudah mereka datang ke pejabat

kami, kami memberi nasihat kepada mereka. Setelah memberi nasihat, kami pula kalau didapati perkara itu masih berterusan, memberi amaran. Selepas itu kami menghantar surat ataupun apa yang dinamakan show "cause letter", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Dengan langkah-langkah kami ambil ini kami harap pihak penerbit dan sesiapa sahaja yang bertanggungjawab dalam persoalan ini sebagaimana yang kata tadi, berhati-hati, agar akhlak mulia tidak terjejas.

Inilah sesuatu yang penting bagi kita, sebagai rakyat yang cintakan negara ini perlu patuhi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Yakob.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Yakob tidak hadir).

KLINIK DESA DI NANGA DELOK, SARAWAK

5. Tuan Andrew Janggi Muiyang minta Menteri Kesihatan menyatakan adalah beliau sedar bahawa Klinik Desa di Nanga Delok di Daerah Antu, Sarawak telah pun dihanyutkan oleh air semasa banjir baru-baru ini. Apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk membina semula klinik tersebut dan jumlah kerugian.

Menteri Kesihatan (Dato Chin Hon Ngian): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar bahawa Klinik Desa di Nanga Delok di Daerah Antu, Sarawak telahpun dihanyutkan oleh air semasa banjir pada bulan Januari, 1984.

Kita telah membina sebuah Klinik Desa baru secara gotong-royong dengan penduduk-penduduk tempatan. Klinik

Desa baru ini terletak di tapak baru yang tinggi dan tidak akan dibanjiri air. Klinik Desa yang baru itu di Nanga Delok telah pun mula perkhidmatannya pada awal bulan ini. Kerugian yang dialami adalah kira-kira \$5,000.

PENJARA TERBUKA

6. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah yang dimaksudkan dengan konsep "Penjara Terbuka". Berapa ada "Penjara Terbuka" di negara ini sekarang. Berapakah banduan-banduan yang telah melepaskan diri daripada Penjara-penjara Terbuka ini setakat ini, dan berapa yang terlepas lari daripada penjara-penjara lain dalam tempoh masa yang sama.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, Konsep Penjara Terbuka adalah satu konsep pemulihan Jabatan Penjara yang melibatkan usaha menyediakan dan melengkapkan banduan-banduan dalam golongan tertentu ke arah cara hidup normal atau biasa di luar penjara dan penyesuaian diri mereka dengan masyarakat umum yang akan mereka hadapi semula apabila mereka dibebaskan kelak.

Pelaksanaan konsep ini melibatkan 3 aspek penting iaitu:

Golongan atau kategori banduan yang ditahan di penjara-penjara tersebut:

Struktur fizikal penjara terbuka;

Aktiviti-aktiviti dan kegiatan banduan di dalam dan luar penjara.

Banduan yang ditahan di penjara terbuka terdiri dari mereka yang menjalani hukuman singkat tidak lebih dari 5 tahun dan baki hukumannya adalah di antara 18 hingga 24 bulan dan banduan-banduan ini boleh diawasi dengan kawalan yang ringan sahaja dengan izin, Low Security Risk Prisoner.

Dari segi struktur fizikal Penjara Terbuka ini pula, ia tidak mempunyai dinding batu yang tinggi di sekelilingnya seperti yang terdapat pada penjara-penjara biasa. Namun demikian untuk menjamin kawalan dan keselamatan ke atas banduan-banduan, bangunan yang dibina adalah kukuh dan kawalan penjara di sekelilingi oleh pagar-pegar, dengan izin, chain link yang mempunyai kawat berduri di atasnya.

Banduan-banduan di bawah kawalan dan pemerhatian yang rapi pihak penjara, juga berpeluang mempunyai kontak dengan masyarakat umum menerusi kegiatan-kegiatan sukan di dalam dan di luar penjara serta kerja-kerja kebajikan seperti membersihkan kubur dan membaiki rumah orang-orang tua.

Konsep penjara terbuka ini didapati berjaya di lain-lain negara termasuklah di Singapura, United Kingdom, Amerika Syarikat, Jepun, India dan Sri Lanka.

Pada masa ini terdapat dua buah penjara terbuka di negara ini iaitu sebuah di Marang, Terengganu dan sebuah lagi di Pengkalan Chepa, Kelantan.

Setakat ini jumlah banduan yang lepas lari dari penjara terbuka dan penjara biasa adalah seperti berikut:

| | |
|----------------------------------|---------------|
| <i>Penjara Terbuka Tahun</i> | <i>Jumlah</i> |
| 1974 sehingga Feb, 1984 | 14 orang |
| <i>Penjara Biasa Tahun</i> | <i>Jumlah</i> |
| 1970 sehingga Feb, 1984 | 152 orang |

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak buat soalan tambahan, pendek sahaja.

Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tadi banduan-banduan yang ditempatkan dalam penjara terbuka ini dibolehkan mengadakan contact dengan masyarakat luar. Saya hendak tanya sama ada mereka juga dibenarkan mengadakan contact atau hubungan dengan para isteri atau suami masing-masing? (*Ketawa*).

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada hubungan dengan isteri ataupun suami masing-masing.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengadakan konsep Penjara Terbuka ini ke seluruh negara ke tiap-tiap penjara dan kem tahanan? Dan semenjak sebelum melaksanakan konsep ini berapa peratus banduan yang dibebaskan tidak diterima oleh masyarakat.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab bahagian yang kedua terlebih dahulu.

Mengenai peratusan itu, agak sukar bagi saya untuk memberi angka yang tepat, tetapi pada keseluruhannya, mereka ini telah dapat bersama-sama dengan masyarakat dengan penerimaan sepenuhnya.

Dan yang kedua, pihak kami memanglah bercadang jikalau kewangan mengizinkan, menambah lagi Penjara-penjara Terbuka ini bagi kepentingan banduan-banduan sebagaimana yang saya kata tadi di mana hukumannya adalah singkat, iaitu tidak lebih daripada 5 tahun, dan bakinya adalah di antara 18 hingga 24 bulan.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa banduan-banduan yang telah lepas lari daripada penjara-penjara, Penjara Terbuka 14, Penjara Biasa 152 orang. Saya ingin bertanya apakah faktor-faktor yang menyebabkan banduan-banduan ini mudah melarikan diri sama ada kerana keadaan penjara itu yang tidak kukuh ataupun kecuaiannya daripada pegawai-pegawai yang berkenaan?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, pihak kami sama sekali tidak boleh dikatakan cuai dalam melaksanakan tugas kami.

Dari segi peratusannya, banduan-banduan yang dapat melarikan diri boleh dikatakan begitu kecil sekali. Yang menjadi masalah ialah bahawa setengah-setengah banduan itu merupakan penjenayah "hard-core" yang mana mereka tidak memikir tentang perkara-perkara lain, malah memusatkan fikiran mereka terhadap soal-soal bagaimana hendak melarikan diri. Setiap detikan masa mereka memikirkkan bagaimana hendak melepaskan diri daripada penjara. Itulah persoalan.

Sukalah saya tegaskan di sini bahawa pihak pegawai penjara dan pihak kami tidak sekali-kali cuai dalam melaksanakan tugas kami.

ADUAN MENGENAI PERUMAHAN—BILANGAN DITERIMA

7. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapa banyak aduan yang telah diterima sehingga 29-2-1984 sejak penubuhan Jabatan Undang-undang sendiri, berapa banyak aduan yang telah diselesaikan, berapa banyak yang telah dirujuk kepada Biro Pencegah Rasuah dan apakah langkah yang telah diambil

untuk memperkuatkan jabatan tersebut dalam hal tenaga pekerja atau kakitangan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menjelaskan bahawa sebenarnya tiada cadangan bagi menubuhkan Jabatan Undang-undang di Kementerian. Apa yang sebenarnya berlaku ialah penubuhan satu Cawangan Urusetia Perundangan secara pentadbiran yang mana tujuannya ialah untuk menggubal, menyelaras dan mengemaskinikan cadangan-cadangan atau pindaan-pindaan undang-undang yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, perlu juga dimaklumkan bahawa penubuhan Cawangan Urusetia Perundangan ini bukanlah bertujuan untuk mengambilalih dan mengendalikan aduan-aduan yang sedang dikendalikan oleh Bahagian Pengawasan dan Penguatkuasa pada masa ini. Oleh itu soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Kuala Lumpur Bandar adalah tidak berbangkit. Walau bagaimanapun saya akan memberi maklumat yang diperlukan itu.

Setakat hari ini jumlah aduan sehingga 13-12-83 ialah 2,029 aduan. Jumlah aduan pula dari tahun 1984 hingga 29-2-1984 ini ialah 128 aduan dan aduan yang telah selesai dalam tahun 1983, 878 aduan. Aduan yang selesai diuruskan dalam tahun 1984 ini hingga 29hb Februari ialah 73 aduan. Jadi jumlah besar aduan yang telah diselesaikan ialah 951 aduan. Baki aduan yang belum selesai hingga 31-12-83 ialah 1,151 dan baki aduan dalam tahun 1984 hingga bulan Februari ini ialah 55 aduan.

Tuan Gooi Hock Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Bolehkah Timbalan Menteri menjelaskan jenis-jenis atau corak aduan-aduan yang telah diterima.

Puan Napsiah binti Omar: Boleh, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Jenis-jenis aduan yang kami terima ini berjumlahnya adalah 12 kategori dan kalau diizinkan saya akan sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua: Panjangkah?

Puan Napsiah binti Omar: 12 sahaja. Sekejap sahaja saya sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap, boleh!

Puan Napsiah binti Omar:

- (1) cacatan mutu kerja;
- (2) kelewatan menyerahkan rumah;
- (3) sijil layak menduduki;
- (4) faedah dan gantirugi— ini masalah;
- (5) perkhidmatan bayaran penyelewengan;
- (6) pelan dan surat perjanjian;
- (7) cagaran;
- (8) suratan hakmilik;
- (9) infrastruktur;
- (10) melanggar Akta ataupun Peraturan;
- (11) penipuan; dan
- (12) pertanyaan-pertanyaan kepada Kementerian atau lain-lain agensi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya tidak tahu ini adakah masuk dalam bahagian kesalahan penipuan ataupun tidak, tetapi pemaju perumahan memungut wang \$1,000 untuk pendahuluan tetapi rumahnya tidak didirikan, selepas itu pengaduan telah pun disampaikan

kepada Kementerian sehinggalah syarikat ini ditutup dan wang itu tidak dikembalikan. Jadi kalau ini berlaku, apakah tindakan harus dibuat setelah diberitahu kepada Kementerian tetapi tindakan tidakpun dapat dan wang tidak dikembalikan dan projek itu tidak pun berjalan setelah 5 tahun berlalu.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, kes ini agaknya kompleks sedikit. Saya rasa pertamanya, sekiranya pembeli itu menggunakan perjanjian jualbeli yang seragam yang telah dikeluarkan oleh Kementerian sejak 1-6-1982, rasa saya perkara ini tidak timbul kerana apabila sahaja perjanjian selesai ditandatangani, pembeli hendaklah membayar 10% daripada harga itu. Jadi kalau adanya perjanjian jualbeli yang seragam ini digunakan, insya Allah, Kementerian akan dapat menolong tetapi kalau tidak menggunakan ini, susahlah bagi Kementerian untuk memberi pertolongan. Walau bagaimanapun, sekiranya dikemukakan kepada Kementerian, insya Allah, kami akan menengokkan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan bahawa banyak pengaduan-pengaduan ada diterima oleh Kementerian pada tiap-tiap tahun mengenai masalah dalam bidang perumahan, saya suka bertanya Yang Berhormat sama ada Urusetia Perundangan yang telah ditubuhkan oleh Kementerian bercadang untuk menyiasat dengan mendalam sama ada penyelewengan-penyelewengan dalam bidang perumahan ada kaitan dengan kelemahan yang wujud sekarang di dalam undang-undang, iaitu Akta Pemaju Perumahan. Sama ada Kementerian bercadang untuk membuat pindaan kepada undang-undang itu supaya ini dapat dikemaskinikan bagi tujuan untuk melindungi para pembeli rumah.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di bawah Akta 118, Laws of Malaysia, memang telah ada peruntukan-peruntukan di mana Kementerian boleh membuat penyiasatan. Misalnya, Seksyen 10 di bawah Akta 118 membenarkan Menteri ataupun Controller boleh membuat penyiasatan berkenaan dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi penyelewengan.

Sebenarnya, mungkin kebanyakan pengguna ataupun pembeli tidak mengetahui dengan undang-undang ini. Sebenarnya, kontrak ataupun perjanjian yang dibuat antara pembeli dan pemaju perumahan adalah satu-satunya individu yang dibuat di mana pihak Kementerian tidak dapat campurtangan, kecuali 5 atau lebih daripada 5 pembeli-pembeli rumah di dalam satu-satu projek itu mengemukakan kepada Kementerian ataupun membuat pengaduan. Di bawah Seksyen 10 ini tadi, sub-seksyen (2) memang bolehlah Kementerian membuat penyiasatan.

Juga untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang sudah ada peruntukan. Misalnya, Article 18, dengan izin:

“Offences relating to a licence under section 5.” Memang sudah ada, sekiranya seseorang itu dapati salah pemaju itu, dengan izin, saya bacakan:

“shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding twenty thousand dollars or to an imprisonment for a term not exceeding five years or to both.”

Sebenarnya peruntukan ini sudah ada, tetapi adalah perlu mendapat 5 atau lebih daripada 5 pembeli mengadu kepada Kementerian.

KONSEP KEAMANAN, KESTABILAN DAN BERKECUALI

8. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat manakah konsep keamanan, kestabilan dan berkecuali yang kita amalkan ini telah berjaya di rantau ini dan diterima oleh kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Soviet Union.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, konsep ZOPFAN telah dilahirkan melalui Deklarasi Kuala Lumpur pada tahun 1971. Negara-negara ASEAN telahpun menerima konsep ini dan sebagai langkah untuk mencapai matlamat ZOPFAN tersebut Negara-negara ASEAN telah menandatangani satu Perjanjian Hubungan Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara (Treaty of Amity and Co-operation in South East Asia) di persidangan kemuncak ASEAN di Bali, Indonesia pada tahun 1976.

Perjanjian Hubungan Persahabatan dan Kerjasama Asia Tenggara ini bertujuan untuk mewujudkan satu rangka bagi negara-negara di Asia Tenggara menguruskan perhubungan sesama mereka secara teratur dan dengan lebih berkesan. Bagi negara-negara ASEAN matlamat pencapaian ZOPFAN ini telah menjadi salah satu tujuan pokok Dasar Luar Negeri negara masing-masing.

Sebagai satu usaha untuk meningkatkan penerimaan konsep ZOPFAN ini, Negara-negara ASEAN telah membincangkan perkara tersebut dengan negara-negara lainnya di Asia Tenggara, khususnya Negara-negara Indo China. Negara-negara Indo China pada mulanya membayangkan kecurigaan mereka terhadap konsep tersebut, tetapi kemudiannya mereka menampakkan sedikit perubahan sikap dan mula menunjukkan kesanggupan mereka membincangkan konsep ini

secara lebih serius. Malangnya, pencerobohan Vietnam ke atas Kampuchea telah membantutkan usaha-usaha tersebut. Namun demikian kita rasakan bahawa ZOPFAN masih relevant dan perlu diusahakan pengwujudannya dengan lebih gigih lagi.

Sebagai salah satu usaha untuk mewujudkan keadaan dan suasana yang sesuai bagi pencapaian ZOPFAN, ASEAN telah bersetuju untuk mengkaji kemungkinan rantau Asia Tenggara diisytiharkan sebagai Wilayah Bebas Senjata Nuklear (Nuclear Weapons Free Zone). Adalah difikirkan bahawa usaha ke arah pengwujudan Wilayah Bebas Senjata Nuklear ini akan dengan sendirinya mempercepatkan proses pencapaian ZOPFAN.

RANGKAIAN KETIGA TV MALAYSIA

9. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Penerangan menyatakan oleh kerana pada masa sekarang Televisyen Malaysia telah ada dua saluran, bilakah rakyat negara ini boleh dapat saluran ketiga yang dijanjikan.

18. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Penerangan menyatakan sejauh manakah setakat ini usaha Kerajaan mengswastakan Rancangan TV Rangkaian Ketiga dan syarikat manakah yang berjaya menjalankan pengswastaaan itu.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini dengan Soalan No. 18 dalam Aturan Urusan Mesyuarat dari Yang Berhormat kawasan Pasir Puteh, kerana kedua-dua soalan ini hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dato' Chan Siang Sun: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini

telah saya jelaskan dalam jawapan saya kepada soalan Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 19hb Mac, 1984. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi (*Ketawa*). Jadi Ahli-ahli itu sila rujuk pada tarikh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Mengapa diminta jawab sekali dengan No. 18 itu (*Ketawa*).

DOKUMEN PERJALANAN TERHAD KE SABAH/SARAWAK

10. Datuk Leonard Linggi Anak Jugah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar rakyat Malaysia dari Sarawak ke Semenanjung dan sebaliknya masih lagi dikehendaki untuk mengeluarkan pasport oleh pihak Jabatan Imigresen walaupun pengumuman telah dibuat tahun lepas bahawa pasport tidak perlu digunakan bagi lawatan seperti ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa pada masa ini rakyat Malaysia masih diperlukan untuk menggunakan Dokumen Perjalanan Terhad atau Pasport Malaysia dalam perjalanan dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak atau sebaliknya.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Kapit, rakyat Malaysia dari Sarawak dan Sabah yang datang ke Semenanjung hanya dikehendaki menggunakan dokumen perjalanan dalam bentuk kad sahaja. Peraturan ini telah berjalan sejak 1hb Januari, 1982.

Kerajaan telah bersetuju menggunakan satu dokumen perjalanan dalam bentuk kad bagi rakyat Malaysia dari Semenanjung ke Sabah mulai 16hb April, 1984. Ini bermakna bahawa peraturan baru tidak memerlukan rakyat Malaysia dari Semenanjung menggunakan Dokumen Perjalanan Terhad atau Pasport Malaysia untuk lawatan ke Sabah.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa rakyat Sarawak terpaksa menggunakan kad untuk ke Semenanjung. Jadi bilakah sistem kad ini juga akan dihapuskan dan seterusnya hanya menggunakan I.C. ataupun sama sahaja di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Sarawak, peraturan ini telah pun dicadang kepada negeri Sarawak dan ianya masih di peringkat pertimbangan.

KELAS KBSR—NISBAH GURU

11. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) adakah Kementerian ini bercadang untuk meninggikan lagi kadar penempatan guru-guru ke kelas-kelas KBSR dari kadar yang ada sekarang (1.5) ke kadar yang lebih besar, memandangkan terdapatnya bilangan murid-murid yang banyak dalam satu kelas sehingga 50 orang, kalau tidak mengapa; dan

(b) sama ada Kementerian ini sedar bahawa guru-guru yang mengajar kelas-kelas KBSR ini menanggung beban yang sangat berat dalam menyediakan alat-alat mengajar sehingga boleh menjejaskan prestasi pengajaran mereka dan apakah usaha-usaha Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk menaikkan nisbah guru bagi kelas-kelas kurikulum baru sekolah rendah atau KBSR kerana Kementerian baru sahaja menaikkan nisbah tersebut

daripada 1.2 menjadi 1.5 bagi tiap-tiap kelas. Jika nisbah ini dinaikkan lagi akan timbul implikasi-implikasi dari segi latihan guru, bilangan perjawatan dan kewangan. Memandangkan keadaan ekonomi yang belum pulih sepenuhnya maka kenaikan selanjutnya nisbah itu tidak dapat dilakukan.

Kementerian sedar tentang beban guru-guru yang mengajar kelas-kelas KBSR. Atas kesedaran ini Kementerian Pelajaran telah membekalkan bahan-bahan tambahan khususnya lembaran kerja dan buku kerja bagi mata pelajaran bahasa pengantar untuk kegunaan guru-guru dan murid-murid. Dengan ini beban guru-guru untuk menyediakan alat mengajar bertambah ringan.

Nisbah guru kelas yang telah dinaikkan menjadi 1.5 seperti yang dinyatakan tadi telah dapat mengurangkan beban guru dari segi jumlah waktu mengajar. Kalau pada masa yang dahulu mereka mengajar kira-kira 1,200 minit seminggu, pada masa ini guru-guru KBSR mengajar tidak melebihi 1,100 minit seminggu dan lazimnya di antara 470 minit hingga 1,020 minit seminggu.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu, adakah Kerajaan bercadang melanjutkan masa kelas-kelas KBSR sehingga sepanjang hari atau full day, dengan izin, seperti yang diamalkan di negara-negara lain yang mencapai kejayaan dalam menganjurkan kelas-kelas KBSR seperti di negeri Jepun kerana ini akan memberi faedah yang lebih kepada murid-murid yang dapat menguasai pelajaran mereka?

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

AMPANGAN HAIDRO LETRIK KENYIR

12. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan bagi mengelak pembaziran memandangkan bahawa penenggelaman hutan-hutan di Ampang Haidro Letrik Kenyir dengan air menyebabkan beribu-ribu ekar kayu berguna terbuang begitu sahaja.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, bagi kawasan yang ditenggelami air berikutan pembinaan Ampangan Haidro Letrik Kenyir yang dianggarkan seluas 37,000 hektar, penebangan telah dijalankan berulang kali tanpa had supaya semua kayu yang berharga dapat dikeluarkan sebelum kawasan berkenaan ditenggelami air. Ini Tuan Yang di-Pertua, adalah bertujuan untuk mengelakkan daripada berlaku pembaziran. Penebangan di kawasan ini telahpun selesai sepenuhnya di akhir tahun 1983.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat berkenaan, kawasan projek ampangan ini terbahagi kepada tiga jenis iaitu kawasan tadahan air, kawasan pulau dan kawasan tenggelam. Selain daripada cara tebang yang dilakukan dalam kawasan tenggelam, di kawasan tadahan air penebangan adalah dijalankan secara sistem tebang memilih, manakala penebangan di kawasan pulau dilakukan mengikut had perepang pokok. Ini bermakna tebang akan dijalankan lagi di kedua-dua kawasan ini apabila pokok-pokok yang tinggi telah mencapai ukuran yang diperlukan.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sejauh mana benarnya pendapat umum yang mengatakan bahawa pelaksanaan

projek Ampangan Kenyir ini adalah merupakan projek besar dan berfaedah tetapi masalahnya dari segi pelaksanaan tidak ada suatu perancangan bersepadu ataupun integrated dengan Jabatan Hutan dan Jabatan Haiwan menyebabkan kayu-kayan membazir dan paling teruk sekali binatang-binatang banyak terperangkap.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana yang pihak Kementerian dan Kerajaan dapat tahu koordinasi dan integrasi itu memang berlaku. Walau bagaimanapun kita akan terus menjalankan penyelidikan agar dapat ditentukan supaya koordinasi ini sentiasa berlaku.

GAJI KAKITANGAN SEKTOR AWAM—SEMAKAN

13. Dr George Chan Hong Nam minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan kita dalam usahanya menimbangkan kenaikan gaji kepada kakitangan-kakitangannya akan memberi pertimbangan sewajarnya untuk mengecualikan Elaun Wilayah, Elaun Khidmat atau "Civil Service Allowance" Elaun kepakaran (untuk pakar-pakar perubatan) dan lain-lain elaun yang seumpama daripada pembayaran cukai pendapatan dan memberi Elaun Sara Hidup Sementara kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan yang berkhidmat di Bandar Miri seperti yang sedang dinikmati oleh mereka yang bertugas di Bintulu memandangkan kos hidup di Bandar tersebut kian meningkat dan hampir-hampir sama tingginya dengan Bandar Bintulu. Jika jawapannya kepada mana-mana satu atau kedua-dua soalan ialah tidak, mengapa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk menjalankan penyemakan gaji kakitangan sektor awam pada masa ini

memandangkan kepada keadaan kewangan dan ekonomi sekarang. Sehubungan dengan kedudukan tersebut itu, Kerajaan juga tidak bercadang untuk mengkaji elaun-elaun yang telah dibayar kepada kakitangan sektor awam yang telah diselaraskan dan diseragamkan maksud-maksudnya sebanyak yang boleh.

Oleh kerana bentuk gaji yang dibayar sekarang merupakan gaji bersih, pada dasarnya Kerajaan tidak menggalakkan bayaran elaun khas bagi menampung kos sara hidup yang didakwa lebih tinggi di kawasan-kawasan tertentu seperti di bandar-bandar besar dan lain-lain tempat seperti Miri dan sebagainya.

Cadangan seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Lambir, Sarawak itu mempunyai implikasi kewangan yang tinggi kepada Kerajaan yang boleh menjejaskan kedudukan ekonomi negara amnya.

Elaun Sara Hidup Sementara Bintulu yang diluluskan oleh Kerajaan pada bulan Ogos, 1982 dahulu adalah berbentuk sementara sahaja oleh kerana kos sara hidup di Bintulu pada masa itu jauh lebih tinggi daripada tempat-tempat lain kerana kekurangan bekalan dan pengangkutannya dari tempat-tempat lain.

Sekarang ini kajian sedang dilaksanakan untuk memastikan sama ada elaun tersebut harus dilanjutkan pembayarannya ataupun tidak tertakluk kepada perbandingan kos sara hidup dengan lain-lain tempat di Sarawak semenjak Bintulu memulakan operasinya.

Sebarang tambahan kepada pendapatan adalah tertakluk kepada cukai pendapatan mengikut definisi Akta Cukai Pendapatan dan sukar untuk membeza-bezakannya.

PELAJARAN DI LUAR NEGERI— SYARIKAT MEMPELAWA

14. Tuan Mutang anak Tagal minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bertambahnya bilangan syarikat tempatan yang mempelawa orang ramai melanjutkan pelajaran mereka ke luar negeri (local recruiting agents for foreign universities). Jika sedar, apakah langkah-langkah positif yang diambil supaya syarikat tersebut mempunyai kebenaran dari Kerajaan untuk rekrut murid-murid tempatan bagi melanjutkan pelajaran mereka ke luar negeri.

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang sedar tentang adanya sebilangan syarikat tempatan yang mempelawa orang ramai melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Kementerian Pelajaran telah mengambil perhatian mengenai perkara ini untuk tindakan-tindakan yang wajar selanjutnya.

TELAGA GAS DI PERAIRAN MALAYSIA-THAILAND

15. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar telaga minyak telah dijumpai di perairan sempadan Malaysia dan Thailand. Jika benar sebutkan banyaknya telaga-telaga itu serta kemajuan kerja pengambilan minyaknya sekarang dan sebutkan hasil pendapatannya.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini tidak ada minyak mentah yang dijumpai di kawasan perairan sempadan Malaysia dan Thailand. Walau bagaimanapun, dua telaga gas telah dijumpai di kawasan tersebut dan perundingan sedang dijalankan untuk memajukan sumber tersebut.

SKIM PERKESO— JUMLAH FAEDAH DIBAYAR

16. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Buruh menyatakan peratus wang pampasan yang dibayar di bawah SOCSO bagi kemalangan dalam industri di banding dengan jumlah caruman yang diterima bagi setiap tahun selama 5 tahun lalu dan sama ada Kerajaan bercadang untuk menaikkan kadar bayaran tersebut.

| <i>Tahun</i> | <i>Faedah Dibayar</i> (<i>\$</i>) | <i>Caruman Bersih</i> (<i>\$</i>) | <i>Peratusan</i> (<i>%</i>) |
|--------------|--|--|----------------------------------|
| 1978 | 4,011,926 | 37,420,347 | 10.7 |
| 1979 | 4,684,948 | 43,520,993 | 10.8 |
| 1980 | 4,863,802 | 54,965,632 | 8.9 |
| 1981 | 8,005,765 | 81,062,670 | 9.9 |
| 1982 | 10,477,693 | 93,343,291 | 11.2 |

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi angka-angka bagi tahun 1983, memandangkan angka-angka tersebut masih belum diaudit.

Bagi jawapan bahagian kedua pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu sepertimana kita sedia maklum, Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1984 telah pun dikemukakan dan dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini pada 23hb. dan 26hb. Mac, dan telah pun diluluskan.

Rang Undang-undang tersebut menjelaskan secara terperinci mengenai beberapa kenaikan kepada faedah yang dibayar di bawah Skim-skim PERKESO. Dan juga mengenai satu skim baharu yang akan diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada pindaan yang telah diluluskan itu adalah untuk menaikkan kadar harian minima daripada \$2.50 kepada \$8.00.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, soal Yang Berhormat itu adalah dua bahagian dan bagi menjawab bahagian pertama pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, peratusan jumlah faedah yang dibayar di bawah skim-skim PERKESO berbanding dengan jumlah caruman bersih yang diterima bagi tahun 1978 hingga 1982 adalah seperti berikut:

Selaras dengan kenaikan kadar yang minima itu, sukacita saya mengambil peluang untuk makluman Dewan yang mulia ini bahawa Yang Berhormat Menteri Buruh telah pun mengemukakan bahawa Kerajaan telah bersetuju menyelaras kadar pembayaran pencen yang sedia ada di bawah Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat. Penyelarasan pencen ini telah mengambilkira kenaikan dalam kos saraan hidup.

Pencen-pencen di bawah Skim Insuran Bencana Pekerjaan yang dibayar kepada pekerja-pekerja dan tanggungan-tanggungan mereka iaitu balu-balu, anak-anak, ibu bapa, adik lelaki dan adik perempuan yang mana telah diberi kenaikan atau, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, enhancement dalam tahun 1978 dan 1980 akan menerima kenaikan-kenaikan (enhancement) ini selanjutnya seperti berikut:

Pencen yang diaward dalam tahun sebelum tahun 1979.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu ada di dalam Rang Undang-undangkah?

Datuk William Lye Chee Hien: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada di dalam Rang Undang-undang itu?

Datuk William Lye Chee Hien: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana dia boleh dinaikkan jika tidak ada di dalam Rang Undang-undang itu?

Datuk William Lye Chee Hien: Ini ada di bawah seksyen 106 di bawah Undang-undang yang boleh memberikan kuasa kepada Menteri Buruh.

Tuan Yang di-Pertua: Persilakan.

Datuk William Lye Chee Hien: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Itu pun di bawah Rang Undang-undang.

Datuk William Lye Chee Hien: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*).

Pencen yang diaward dalam atau sebelum tahun 1979 ialah 17%. Pencen yang diaward dalam tahun 1980 ialah 13%. Pencen yang diaward dalam tahun 1981 ialah 5%. Pencen-pencen di bawah Skim Pencen Ilat pula akan dinaikkan buat pertama kalinya seperti berikut:

| | |
|--|-----|
| Pencen yang diaward dalam tahun 1977 | 13% |
| Pencen yang diaward dalam tahun 1978 | 25% |
| Pencen yang diaward dalam tahun 1979 | 21% |
| Pencen yang diaward dalam tahun 1980 | 13% |
| Pencen yang diaward dalam tahun 1981 | 5% |

Kenaikan-kenaikan ini akan dikuatkuasakan secara kebelakangan mulai 1hb Januari, 1982.

Adalah dianggarkan bahawa kenaikan kadar ini akan melibatkan perbelanjaan tambahan sebanyak lebih kurang \$3 juta dan akan dinikmati oleh seramai 5,637 orang.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat sudah cukuplah itu.

MINYAK DIESEL— PENGHAPUSAN SUBSIDI

17. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang dijimatkan dengan menghapuskan subsidi minyak diesel dan apa beliau hendak buat dengan wang yang dijimatkan.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini lebih dalam akaun semasa berjumlah \$108 juta. Perbelanjaan pembangunan dijangka meningkat sebanyak \$9,851 juta berbanding dengan \$7,800 juta yang dianggarkan dalam belanjawan tahun 1984.

Mengikut jumlah pinjaman yang telah dirancangkan tahun ini, sejumlah \$8,271 juta dijangka dapat dipinjam bagi tahun ini. Selain daripada itu \$1,000 juta dijangka dapat digunakan dari simpanan yang ada.

Ini bermakna sejumlah \$9,123 juta sahaja dapat digembeling untuk membiayai perbelanjaan pembangunan tahun ini. Jumlah ini kurang \$620 juta daripada perbelanjaan pembangunan yang dirancangkan bagi tahun ini.

Oleh yang demikian jumlah wang yang dapat dijimatkan daripada subsidi diesel, bolehlah kita gunakan untuk

membayai rancangan pembangunan dan dengan itu dapat kita mengurangkan jumlah pembiayaan pada tahun ini.

Adalah diharap kita dapat mengurangkan perbelanjaan pembangunan kepada tahap yang lebih rendah daripada yang dianggarkan dan jika ini berlaku tidaklah perlu bagi Kerajaan menambah pinjaman bagi tahun ini.

Dengan itu juga dapat kita mengurangkan tanggungan kita terhadap hutang luar negeri.

Tuan Othman bin Abdul: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Penarikan subsidi minyak diesel secara langsung telah menyebabkan kenaikan harga barang-barang perlu dan juga kenaikan di dalam sektor pertanian.

Adakah Kerajaan bercadang untuk menimbang semula pemberian subsidi ini untuk kegunaan-kegunaan maksud pertanian dan juga nelayan.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, kita sudah menimbang perkara ini dengan semasak-masaknya dan kita tidak fikir kita akan menimbang semula untuk mengadakan subsidi bagi lapangan-lapangan seperti yang dimaksudkan tadi, oleh kerana kita rasa sudah banyak bantuan diberi dalam berbagai-bagai bentuk bantuan kepada sektor-sektor pertanian, nelayan dan lain-lain.

Dan kita fikir sudah sampai masanya petani-petani kita termasuk nelayan, berdiri di atas kaki sendiri untuk menambah pendapatan masing-masing dengan bantuan-bantuan lain yang sedia diberi oleh Kerajaan.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu dengan penghapusan subsidi minyak diesel, adakah pihak Kerajaan bercadang

mengurangkan cukai jalan untuk kereta private yang berenjin diesel, kalau tidak ada cadangan, mengapa.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, belum ada cadangan lagi dan oleh kerana belum ada pertimbangan lagi, itulah sebabnya belum ada cadangan lagi. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 18 telah dijawab sebentar tadi.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, sudah dijawab. Soalan ini saya telah jawab tadi, jadi sukarlah untuk saya menjawab lagi. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sudah dijawab.

JIMAT CERMAT— KAWALAN PENGURUSAN PERUNTUKAN WANG

19. **Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihak Kerajaan akan mengambil tindakan yang positif bagi mengawal kuasa Pegawai-pegawai di setiap Kementerian serta badan-badan berkanun supaya pengurusan peruntukan-peruntukan wang di bawah kawalan masing-masing dibelanja berjimat cermat tanpa pemborosan.

Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sentiasa mengambil tindakan untuk mengawal kuasa-kuasa Pegawai Pengawal (Controlling Officers) di setiap Kementerian dan Jabatan serta Badan-badan Berkanun, lebih-lebih lagi

dalam keadaan kedudukan kewangan negara yang kurang memuaskan pada masa ini.

Satu daripada langkah penting yang telah diambil ialah dengan mengeluarkan garis-garis panduan kepada semua agensi-agensi Kerajaan untuk berjimat cermat dalam perbelanjaan mereka.

Garis-garis panduan tersebut di antara lain, termasuklah pembekuan pengisian jawatan kosong dan pengwujudan jawatan-jawatan baru; pengawalan ketat ke atas peruntukan perjalanan dan pengangkutan bagi pegawai-pegawai awam dan penangguhan pelaksanaan projek-projek yang kurang penting keutamaannya.

Selain daripada itu, semua Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun adalah juga dikehendaki terlebih dahulu mendapat surat kebenaran dari Perbendaharaan sebelum mempelawa atau mengikat sesuatu kontrak. Langkah ini adalah bertujuan untuk menentukan bahawa agensi-agensi berkenaan mempunyai peruntukan wang yang mencukupi untuk membiayai kontrak-kontrak berkenaan.

Di samping itu, mulai tahun 1984 ini peruntukan perbelanjaan bagi semua Kementerian dan Jabatan hanya diberi pada tiap-tiap suku tahun sekali. Langkah ini juga adalah bertujuan untuk mengawal perbelanjaan yang dibuat oleh Kementerian dan Jabatan Kerajaan supaya tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, bolehkan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan memberitahu Dewan ini berapakah jumlah yang telah dapat diselamatkan daripada langkah berjimat cermat ini dalam tahun 1983?

Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya tidak dapat hendak menyatakan jumlah

sebenar yang dapat diselamatkan ataupun yang dapat dijimatkan tetapi lebihan yang terdapat dalam akaun semasa oleh kerana langkah-langkah jimat cermat yang dilancarkan oleh Kerajaan di beberapa tahun kebelakangan ini adalah memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 20 hingga 27 adalah diberi di bawah ini).

IKAN DAN UDANG— PROJEK PEMBIAKAN

4. Tuan Mohd. Yussof bin Haji Yakob minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa hasil laut di perairan Malaysia adalah berkurangan, dan jika sedar adakah beliau bercadang untuk mengadakan projek-projek pembiakan ikan dan udang di mana ikan dan udang tersebut itu kemudiannya dilepaskan di perairan negara ini.

Menteri Pertanian (Datuk Abdul Manan bin Othman): Masalah kekurangan hasil laut di perairan Malaysia telah disedari oleh Kerajaan. Projek-projek pembiakan ikan dan udang laut telah diusahakan. Setakat ini, Kerajaan telah siap membina sebuah pusat tersebut di Tanjong Demong, Terengganu. Pusat tersebut telah mula menjalankan aktiviti pembiakannya pada tahun ini. Pusat yang kedua sedang dibina di Pulau Sayak, Kedah dan dijangka siap pada akhir tahun ini. Tujuan utama pusat-pusat tersebut adalah untuk membekalkan benih-benih kepada penternak. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat benih-benih yang berlebihan, ia akan dilepaskan ke perairan laut.

IMPORT BUAH-BUAHAN SEGAR

20. Tuan Fung Ket Wing meminta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pelabuhan-pelabuhan yang dibenarkan mengurangkan duti import sebanyak 10% berhubung dengan pengimportan oren-oren dan sayur-sayuran segar dari Taiwan dan Hong Kong semasa musim perayaan Tahun Baru Cina; nyatakan sebab-sebab keistimewaan rebate tersebut tidak dinikmati oleh pengimport-pengimport yang mengimport barang-barang tersebut melalui Pelabuhan Sandakan.

Menteri Kewangan (Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah): Pada masa ini pengimportan buah-buahan segar melalui 6 buah pelabuhan iaitu pelabuhan Pulau Pinang, Kelang, Kuantan, Melaka, Kota Kinabalu dan Kuching diberi pengecualian 10% duti import dan cukai tokok. Pengecualian ini hanya diberi kepada buah-buahan segar yang diimport terus dari mana-mana negara asal untuk membolehkan pengimport-pengimport Malaysia bertanding dengan pengimport-pengimport Singapura yang mengimport buah-buahan tanpa duti. Perlu dijelaskan di sini bahawa pengecualian ini tidak dihadkan kepada pengimportan dari negara Taiwan dan Hong Kong dan juga tidak semasa musim perayaan Tahun Baru Cina sahaja tetapi adalah untuk sepanjang masa. Pengecualian 10% ini adalah merupakan elaun kerosakan (damage allowance) untuk mengganti sedikit sebanyak kerosakan atas buah-buahan segar yang mungkin berlaku akibat dari tempoh lamanya perjalanan kapal ke negara ini. Pengecualian ini dihadkan kepada pelabuhan-pelabuhan besar sahaja kerana adalah dirasakan pengimportan dari negara-negara jiran yang kebanyakannya melalui pelabuhan kecil tidak mengalami kerosakan seperti ini memandangkan tempoh masa perjalanan yang singkat.

TANAH TERBIAR—MEMULIHKAN

21. Tuan Haji Dasuki bin Haji Ahmad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sikap Kerajaan dalam usaha memulihkan tanah-tanah terbiar yang begitu luas kawasannya di seluruh negara, utamanya di Negeri Kelantan yang dianggarkan kurang lebih 650 ribu ekar. Apakah Kerajaan telah menyediakan model-model bagi tujuan pemulihan itu.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim): Kerajaan melalui Kementerian saya dan juga Kementerian-kementerian lain sedang memberikan perhatian yang serius terhadap perkara ini. Saya telah mengarahkan FELCRA bagi mengenalpasti kawasan-kawasan tanah terbiar. Dari rekod yang ada sehingga ke hari ini terdapat kira-kira 569,132 hektar (1,406,325 ekar) tanah terbiar, tidak termasuk kawasan padi yang boleh dimajukan semula, telah dikenalpasti di seluruh negara termasuklah 86,371 hektar (213,422 ekar) di Negeri Kelantan.

Bagi memajukan tanah-tanah terbiar itu program yang terperinci sedang diteliti dan beberapa model telah disediakan ke arah pemulihannya yang mana telahpun dimulakan secara berperingkat-peringkat di setiap negeri oleh FELCRA. Di antara model-model yang disediakan bagi tujuan ini ialah:

A. MODEL PEMULIHAN.

Pelaksanaan model ini tertakluk kepada saiz operasi. Terdapat 2 konsep dalam model ini sebagaimana berikut:

(i) pemulihan Secara Pertanian Berkoperatif.

Pemulihan cara ini dilaksanakan bagi kawasan tanah terbiar yang berkelompok atau

sifatnya terkumpul sehingga luas kawasan sesuai untuk dijadikan perladangan. Di bawah sistem ini kawasan rancangan merupakan satu unit ladang di mana tuan-tuan tanah akan diambil berkerja dan menjadi pemegang saham berdasarkan keluasan tanah masing-masing.

(ii) *Pemulihan Lot Demi Lot.*

Pemulihan cara ini dilaksanakan bagi kawasan tanah terbiar yang bertaburan di kampung-kampung. Segala jenis kerja dijalankan oleh pemilik tanah berkenaan dan mereka diberi upah. Sekiranya pemilik tidak berkeupayaan untuk mengerjakannya, kaedah borongan kecil melalui penglibatan kumpulan-kumpulan pemilik tanah/penduduk tempatan akan dilaksanakan.

B. MODEL PENYATUAN.

Model ini dilaksanakan setelah program pemulihan dijalankan atau di mana sesuai program pemulihan dan penyatuan dilaksanakan serentak. Terdapat 3 kosnep dalam model ini sebagaimana berikut:

(i) *Penyatuan Tanah Secara Pengurusan.*

Melalui cara ini pemulihan tidak melibatkan penyatuan

tanah secara fizikal. Mengikut konsep ini pihak FELCRA akan menyatukan pengurusan tanah-tanah bertaburan yang dimiliki oleh seorang pemilik di bawah satu pengurusan di mana keseluruhan rancangan dianggap satu unit dan ditadbir urus secara ladang;

(ii) *Penyatuan Rancangan Pinggir FELCRA Dengan Tanah Kampung Tradisional.*

Melalui cara ini tanah-tanah terbiar akan dimajukan seiring dengan Rancangan Tanah Pinggir yang telah dimajukan oleh FELCRA. Pemilikan saham di tanah-tanah pinggir tersebut dijadikan sebagai daya tarikan untuk memulihkan tanah-tanah terbiar di sekitarnya. Di mana sesuai penyatuan secara fizikal akan dilaksanakan.

(iii) *Projek Pembangunan setempat Ala Kampung Teratak Batu.*

Melalui cara ini penyatuan tanah secara fizikal akan dilaksanakan di mana tanah-tanah milik yang tidak produktif akan disatukan dengan kawasan baru untuk dimajukan. Penduduk-penduduk yang terlibat akan ditempatkan di satu kawasan penempatan yang teratur dengan

kemudahan asas disediakan. Kawasan yang telah dimajukan akan diagih-agihkan kepada peserta.

Bagi kawasan-kawasan yang ditanam dengan getah yang sudah tua atau tidak mengeluarkan hasil yang lumayan dan memenuhi syarat tanam semula, RISDA diberi tanggungjawab memulihkannya. Rancangan pemulihan tanah-tanah seperti ini dijalankan oleh RISDA melalui Program Mini Estet, Tanam Semula Berkelompok dan Tanam Semula Persendirian. Selain dari agensi-agensinya, lembaga-lembaga pembangunan wilayah juga turut terlibat memulihkan tanah terbiar ini terutamanya di kampung-kampung tradisional dalam kawasan masing-masing.

Untuk memastikan rancangan pemulihan ini berjalan secara menyeluruh seperti yang dijadualkan, maka cadangan meminda Kanun Tanah Negara sedang diusahakan bagi memberi kuasa kepada Kerajaan atau agensinya, memasuki secara sementara tanah-tanah terbiar yang melanggar syarat pemberi milikannya dan membangunkannya walaupun tanpa persetujuan tuan punya. Usaha pemindaan ini dibuat memandangkan terdapatnya tuan-tuan tanah yang tidak membenarkan tanah mereka dipulihkan.

KEBUDAYAAN NASIONAL— TAFSIRAN

22. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan adakah suatu hakikat bahawa kebudayaan tidak boleh diadunkan ke dalam sebarang bentuk yang ditetapkan menurut perintah rasmi tetapi kebudayaan berputar semula jadi

daripada tradisi, latarbelakang dan cara hidup masakini berbagai kaum di sesebuah negara:

- (a) jika ya, sama ada kebudayaan yang berasaskan peribumi adalah memadai untuk mencerminkan bahawa ada berbagai kaum di dalam negara ini dan kebudayaan rasmi bukan kebudayaan yang sebenar yang diamalkan oleh kaum-kaum di negara ini.
- (b) jika tidak, bolehkah kebudayaan nasional yang diterangkan oleh Y.B. Menteri membawa kepada pembinaan satu negara yang harmoni dan bersatupadu kerana ia tidak dapat dinafikan bahawa pada ketika banyak suara tidak puashati terhadap tafsiran kebudayaan nasional;
- (c) sama ada Menteri telah mengkaji memorandum mengenai kebudayaan yang dibentangkan oleh pertubuhan-pertubuhan China baru-baru ini dan bolehkah Y.B. Menteri memberitahu Dewan yang Mulia ini ada bahagian-bahagian memorandum ini dapat diterima ke dalam kebudayaan nasional.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Anwar bin Hamdan): Kebudayaan itu dinamis. Perkembangannya adalah selari dengan perkembangan tamadun manusia itu sendiri. Ini adalah suatu hakikat yang tidak dinafikan. Akan tetapi di dalam keadaan-keadaan tertentu seperti di Malaysia ini suatu dasar yang mantap perlu diwujudkan. Dasar sedemikian akan memandu perkembangan kebudayaan itu supaya lebih terarah dan menuju kepada pencapaian matlamat tertentu yang sesuai dengan keperluan serta boleh memenuhi kehendak pembinaan bangsa. Sebab inilah Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu digubal sebegitu rupa.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat seterusnya sukalah dijelaskan bahawa:

- (a) Dasar Kebudayaan Kebangsaan tidak berlandaskan unsur-unsur peribumi semata-mata.
- (b) Rasa tidak puas hati timbul bukan kerana Dasar Kebudayaan itu tidak mantap tetapi adalah kerana sebab-sebab lain, di antaranya kurang kefahaman dan keilmuan mengenainya kerana politik, emosi, sentimen dan prasangka.
- (c) Memorandum itu sudah lama dikaji dan diteliti dan ada syor-syor yang ditimbulkan memang sudah dijalankan oleh Kerajaan sebelum memorandum itu lagi. Akan tetapi untuk menerima kesemua syor-syor di dalam memorandum itu pula adalah perkara yang tidak mungkin sama sekali, terutama perkara-perkara yang bertentangan dengan semangat dan keperluan negara. Pertimbangan serupa berlaku kepada apa-apa jua memorandum dari pertubuhan atau resolusi-resolusi seminar oleh mana-mana badan pun.

LEBUHRAYA PONTIAN-SENAI

23. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah lebuhraya dari Pontian Johor ke Lebuhraya Senai akan dilaksanakan pembinaannya.

Menteri Kerjaraya (Datuk S. Samy Vellu): Kementerian saya ada mempunyai rancangan untuk membina jalan dari Pontian Johor ke Lebuhraya Senai dan sekiranya peruntukan baginya diluluskan ianya akan dilaksanakan.

POST-MORTEM ATAS SI MATI— SYARIKAT INSURANS

24. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Syarikat Insurans memerlukan surat akuan post-mortem apabila penama kepada seorang pemegang polisi insurans yang beragama Islam yang mati kerana kemalangan jalan raya datang membuat tuntutan insurans kepada syarikat insurans ini, jika ya, mengapakah syarat ini tidak dikecualikan bagi orang Islam yang mati dalam kemalangan, kerana tanda-tanda zahir adalah mencukupi untuk menentukan sebab-sebab kematian.

Menteri Kewangan (Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah): Syarikat insurans tidak boleh memaksa post-mortem diadakan ke atas si mati, beragama Islam atau agama lain.

SKENDAL MEE SEGERA— SIASATAN

25. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapa hasil siasatan ke dalam skandal mee segera belum lagi diumumkan, sebab-sebab mengapa dokumen-dokumen yang terlibat diklassifikasikan sebagai “dokumen privilej” dan sama ada langkah seumpama itu merupakan satu percubaan untuk “menutup” kemungkinan tindakan jenayah daripada diambil terhadap orang-orang yang salah itu.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sudah beberapa kali dijawab di Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita saya nyatakan di sini iaitu hasil penyiasatan yang dibuat oleh jawatankuasa penyiasatan Kementerian Pertahanan mengenai pembelian Mee Segera

telahpun dilaporkan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) di Mesyuarat yang ke 18 pada 21hb. Julai, 1983. Pihak Jawatankuasa tersebut telah berpuashati dengan laporan yang telah dikemukakan dan kes ini telah pun dianggap selesai.

PEKERJA ASING

26. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Buruh menyatakan sama ada Kerajaan telah menggubal satu dasar untuk mengawal dan mengatur kemasukan pekerja-pekerja asing ke negara ini, jika ya, beri butir-butir lanjut, jika tidak, mengapa.

Menteri Buruh (Tan Sri Chong Hon Nyan): Jawapan kepada soalan ini telahpun diberikan bersekali dengan jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 26 Mac 1984.

Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

DOKTOR SWASTA— PEMBEDAHAN ATAS PESAKIT

27. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar tentang dakwaan-dakwaan bahawa terdapat doktor-doktor swasta yang menjalankan pembedahan-pembedahan ke atas pesakitnya, walhal pembedahan-pembedahan yang berkenaan adalah tidak perlu;
- (b) sama ada beliau sedar terdapat doktor-doktor yang mengubati pesakitnya dengan ubat atau pil yang belum dinilai kesesuaiannya; dan
- (c) apakah tindakan Kementerian Kesihatan untuk mengawasi berlakunya kes-kes yang demikian.

Menteri Kesihatan (Dato Chin Hon Ngian): Kementerian saya tidak ada menerima sebarang dakwaan atau aduan tentang perkara-perkara ini.

Walau bagaimanapun, jika kejadian seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dibawa kepada perhatian Kementerian Kesihatan, tindakan yang sewajarnya akan diambil melalui Majlis Pengamal Perubatan.

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT (1981-1985)

3.34 ptg.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya berdiri di Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan Usul yang berikut:

Bahawa Dewan ini,

menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat;

bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi baru untuk mencapai tujuan utama, iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan;

melulus dan *menyetujui* Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang telah dirangka untuk meliputi dasar-dasar dan program-program yang bertujuan untuk meninggikan lagi pertumbuhan ekonomi dan melaksanakan langkah-langkah

untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bilangan 13 Tahun 1984;

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan ini *menyeru* semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi selaras dengan hasrat Rukunegara dan bersatu padu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak merdeka, Dewan ini telah berkali-kali mendengar pembentangan rancangan-rancangan pembangunan lima tahun. Perancangan pembangunan telah menjadi sebahagian daripada pendekatan negara dalam mempertingkatkan prestasi ekonomi, sosial dan pembangunan kerohanian negara. Kita tidak syak bahawa rancangan pembangunan memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan negara kita Malaysia.

Pembentangan dan perbahasan mengenai rancangan pembangunan dan kajian separuh penggal sudah menjadi satu daripada tugas dan tradisi Dewan ini. Kita semua menunggu-nunggu pengisytiharan peruntukan-peruntukan dalam rancangan pembangunan dan kajian separuh penggal, sama seperti menunggu durian runtuh.

Tetapi dalam ucapan pembentangan pada hari ini, saya akan berganjak daripada tradisi, dan akan menumpukan perhatian bukan kepada agihan peruntukan yang bertambah, tetapi kepada usaha yang perlu dibuat, supaya rancangan pembangunan bukan menjadi satu proses penerimaan ganjaran yang pasif, tetapi satu penyertaan oleh semua pihak secara lebih aktif bagi membangunkan negara. Jumlah peruntukan dan lain-lain angka akan disebut juga, tetapi tidaklah akan mendapat tempat yang utama seperti dahulu. Jika Ahli Yang Berhormat dan

rakyat ingin tahu dengan mendalam berkenaan dengan peruntukan, mereka bolehlah membaca dalam dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang telah disediakan oleh Kerajaan Pusat setelah berunding dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri dan lain-lain pihak.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tahap pembangunan yang dicapai oleh Malaysia adalah jauh lebih tinggi daripada taraf negara yang membangun, bahkan kadang-kadang lebih tinggi daripada peringkat pembangunan negara-negara yang sudah maju. Umpamanya di Britain setiap warga-negara yang bekerja terpaksa membayar yuran tetap untuk kemudahan perubatan yang dikatakan percuma, tetapi di Malaysia kita menyediakan rawatan, tanpa bayaran apa-apa yuran tetap atau bayaran jika kita tidak mampu.

Negara-negara, seperti juga individu, mestilah belanja dengan kadar yang ia mampu sahaja, seperti kata orang Inggeris "One must live within one's means". Jika kita berhutang pun, hutang itu tidak boleh lebih daripada kadar yang mampu dibayar. Sebarang percubaan untuk berbelanja lebih daripada yang kita mampu akan membinasakan negara.

Berhadapan dengan hakikat ini kita mempunyai dua pilihan sekarang. Kita boleh turunkan taraf hidup kita ke paras yang kita mampu, atau kita boleh tingkatkan kekayaan kita supaya kita mampu membiayai taraf hidup yang telah menjadi kebiasaan kita.

Kerajaan berpendapat bahawa kita patut memilih pendekatan yang kedua—iaitu meningkatkan kekayaan kita. Untuk tujuan ini, beberapa perubahan sikap dan pendekatan adalah perlu. Sehingga kekayaan meningkat, kita terpaksa mengurangkan perbelanjaan hangus dan sebaliknya meningkatkan peruntukan pelaburan

yang boleh menambah kekayaan. Insya-Allah, dengan cara ini, kita akan dapat membiayai kehidupan yang lebih mewah di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Negara Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan ekonomi purata antara 6-8% setahun semenjak merdeka. Ini dicerminkan dengan perbezaan hasil-mahsul Kerajaan Persekutuan yang cuma \$2,400 juta pada tahun 1970 tetapi telah meningkat kepada \$18,385 juta pada tahun 1983.

Sebahagian besar daripada pertumbuhan ekonomi ini berasas kepada pengeluaran bahan-bahan utama serta barangan buatan elektronik yang dieksport. Sebenarnya 50% daripada Keluaran Negara Kasar atau GNP adalah daripada eksport.

Keadaan ini berbeza daripada apa yang terdapat di negara-negara seperti Jepun dan Amerika Syarikat di mana cuma antara 10 hingga 20% sahaja daripada GNP bergantung kepada eksport. Dengan perkataan lain, aktiviti ekonomi dalam negara mereka menyumbang lebih banyak kepada GNP, atau peningkatan kekayaan negara, berbanding dengan sumbangan hasil eksport. Sebaliknya kita terlalu bergantung kepada eksport untuk meningkatkan peningkatan kekayaan.

Kekayaan negara bukanlah sesuatu yang jadi dengan sendirinya. Ianya boleh merosot atau meningkat mengikut kecerdasan dan kepintaran penduduknya. Memiliki sumber kekayaan seperti bijih, atau tanah yang subur atau lautan yang penuh dengan ikan, tidak dengan sendirinya menjadikan sesebuah negara dan penduduknya kaya. Penduduk mestilah pandai mengeluarkan hasil dan meningkatkan nilai keluaran mereka dengan memproses hasil itu sebelum mereka dan negara dapat menjadi kaya. Tenaga manusia dan kepintaran mereka adalah punca kekayaan yang pertama dan utama.

Kerana Malaysia terlalu bergantung kepada eksport, apabila saja ekonomi dunia merosot maka akan merosotlah ekonomi negara. Sementara kita perlu mempertingkatkan lagi eksport kita, tetapi pertumbuhan ekonomi hendaklah juga diasaskan kepada aktiviti di dalam negara. Untuk ini kita perlu memberi perhatian kepada bermacam-macam kegiatan yang boleh menyumbang kepada kekayaan negara.

Punca utama kekayaan ialah tabungan pendapatan kita supaya dapat diguna untuk melabur. Tabiat menyimpan sebahagian daripada pendapatan kita amatlah penting. Tetapi jikalau kita simpan sahaja, kita tetap akan rugi kerana harga barang akan meningkat, dan wang yang kita simpan dahulu tidak akan dapat membeli sebanyak yang kita boleh beli di waktu kita menyimpannya.

Wang tabung kita mestilah disimpan supaya boleh diguna untuk pelaburan, iaitu di bank, termasuklah Bank Islam, Bank Simpanan Nasional, atau untuk dilabur dalam saham amanah, ataupun terus untuk membeli saham syarikat yang terkenal. Jika sudah terkumpul banyak, kita boleh mengadakan perniagaan dan perusahaan kita sendiri dengan dibantu oleh sedikit modal pinjaman.

Punca kedua kekayaan ialah pusingan wang. Wang yang disimpan dalam bantal tidak akan meningkatkan kekayaan penyimpan ataupun negara. Sebaliknya jika wang itu dilabur dan terus dilabur, hasil akan bertambah. Satu ringgit yang dilabur sepuluh kali setahun adalah sama dengan sepuluh ringgit. Oleh itu adalah penting wang itu bergerak secara langsung atau tidak langsung.

Punca ketiga kekayaan ialah daya pengeluaran. Jika seseorang itu tidak bekerja sama sekali, tidak akan ada apa-apa sumbangannya kepada dirinya, atau masyarakat atau negara. Sebaliknya

jika seseorang memberi khidmat atau mengeluarkan sebahagian atau sesuatu barang, dianya akan menyumbang kepada kekayaan negara. Sudah tentu jika ia bekerja kuat, memberi lebih banyak khidmat atau mengeluarkan lebih banyak hasil daripada tenaganya, sumbangannya adalah lebih tinggi.

Tetapi sumbangan yang lebih tidak bermakna dari segi peningkatan kekayaan negara, jika upahan meningkat lebih daripada tambahan pengeluaran, atau mengambil masa yang lebih panjang dari jumlah masa yang diperlukan oleh orang yang lembab bekerja. Oleh itu untuk mempertingkatkan daya pengeluaran, setiap orang mestilah menambah khidmat atau hasil kerja lebih daripada peningkatan upahan yang kita terima.

Peningkatan daya pengeluaran akan menentukan sama ada kita dapat bersaing dengan negara-negara lain dalam bidang industri dan perdagangan. Jika kita berjaya maka kekayaan negara akan bertambah dan pendapatan semua penduduk Malaysia akan bertambah. Rakyat Malaysia akan menjadi pasar yang lebih berkeupayaan membeli banyak barang perlu dan barang mewah, yang mana ini akan meningkatkan kegiatan ekonomi negara. Peningkatan ekonomi negara akan mewujudkan lebih banyak peluang kerja dan peluang berniaga. Kerajaan pula akan dapat lebih banyak hasil yang boleh diguna bukan sahaja untuk menambah gaji tetapi untuk menyediakan bermacam-macam kemudahan infrastruktur yang dituntut oleh rakyat.

Penjelasan ini terpaksa dibuat kerana tekanan dalam semua Rancangan Pembangunan terdahulu daripada ini lebih tertumpu kepada peruntukan yang akan dibuat. Masing-masing mahu lebih banyak peruntukan untuk Kementerian mereka, untuk negeri mereka, untuk kawasan mereka, untuk projek mereka dan seterusnya. Soal dari mana akan datang wang untuk semua ini tidak

diberi perhatian. Mereka yang sering mengecam Kerajaan kerana hutang terlalu banyak, tidak berfikir dua kali bila mendesak Kerajaan untuk memperuntukan wang bagi maksud itu dan ini.

Kerajaan tidak dapat mengelakkan diri daripada berhutang untuk projek-projek pembangunan, dan Kerajaan sanggup berhutang. Tetapi paras hutang yang boleh dipikul oleh sesebuah negara bergantung kepada kekayaannya dan kekayaan negara adalah hasil daripada tiga faktor yang telah saya sebutkan tadi, iaitu tabungan wang rakyat, kegiatan melabur wang tabungan ini dan daya pengeluaran rakyat di semua peringkat—dari peringkat eksekutif yang tertinggi hingga ke buruh kasar.

Jika pembayaran hutang luar negeri mencapai paras 20% daripada eksport, maka kita akan menghadapi masalah kewangan yang besar. Alhamdulillah kita belum sampai ke peringkat itu, dan kita tidak akan sampai ke peringkat itu jika kita berjimat dalam perbelanjaan kita.

Jika kita perlu tingkatan perbelanjaan kita dan hutang negara, terlebih dahulu hendaklah kita tingkatan kekayaan kita. Ini bermakna kita perlu tabungkan wang kita, kita perlu melabur dan kita perlu tingkatan daya pengeluaran kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 1981-83, negara-negara membangun, khususnya yang bergantung kepada eksport bagi pertumbuhan ekonominya, telah menerima tekanan terus daripada kemelesetan ekonomi dunia. Kita di Malaysia tidak terkecuali. Harga barangan utama yang kita eksport telah merosot. Sebaliknya, harga import terus kekal pada paras yang tinggi. Perkembangan ini telah menyebabkan negara mencatatkan kurangan akaun luar negeri yang besar, berjumlah \$19,400 juta. Kuasa membeli secara keseluruhan telah merosot, dan ini telah

menjejaskan aktiviti sektor swasta. Langkah-langkah telah diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan kesan kemelesetan dengan cara meningkatkan perbelanjaan sektor awam bagi tempoh dua tahun yang pertama Rancangan Malaysia Keempat. Langkah-langkah ini telah membolehkan ekonomi mencapai pertumbuhan sebanyak 6.2% setahun, satu kadar yang boleh dibanggakan.

Malangnya, “expansionary spending” oleh Kerajaan tidak boleh diteruskan terlalu lama. Ia melibat pinjaman yang besar dan akan membawa kesan buruk kemudian melainkan jika ekonomi pulih dengan prestasi yang amat tinggi. Dalam tempoh 1981-83 pinjaman bersih luar negeri berjumlah \$13,000 juta. Walaupun jumlah ini masih boleh dipikul, tetapi tambahan hutang akan membebankan negara dengan teruk menjelang tahun 1986 dan seterusnya. Oleh itu, Kerajaan tidak lagi boleh mengamalkan peningkatan perbelanjaan sektor awam bagi menampung kelembapan pelaburan dalam sektor swasta.

Kemelesetan ekonomi juga memberi kesan kepada kedudukan guna tenaga. Dalam tempoh Kajian, jumlah pekerjaan bertambah sebanyak 428,000. Ini adalah lebih rendah daripada tambahan tenaga buruh yang telah meningkat kepada jumlah 471,000 orang. Akibat daripada perkembangan ini, kadar pengangguran telah meningkat daripada 5.7% dalam tahun 1980 kepada 6% dalam tahun 1983. Bagaimanapun, perlu dinyatakan di sini, bahawa masalah pengangguran di negara kita adalah terkawal. Sebahagian besar pengangguran ini disebabkan oleh pilihan pekerja sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kemerosotan harga barangan utama seperti yang dinyatakan telah juga memberi kesan kepada usaha-usaha membasmi kemiskinan. Kadar kemiskinan bagi

Semenanjung Malaysia, umpamanya, telah meningkat sedikit, iaitu daripada 29% dalam tahun 1980 kepada 30.3% dalam tahun 1983.

Di sini perlu dijelaskan apa yang ditakrif sebagai kemiskinan. Kemiskinan mutlak atau “absolute poverty” seperti yang terdapat di setengah-setengah negara membangun yang malang, di mana kelihatan orang kebuluran meraba-raba di dalam tong sampah untuk mencari makanan, atau terlantar di kaki lima tidak terdapat di Malaysia. Penjelasan ini adalah perlu kerana apabila pakar luar negeri membaca tentang kemiskinan, apa yang tergambar di mata mereka ialah kebuluran. Kemiskinan di Malaysia ialah “statistical”—iaitu sebagai satu cara mengukur pembangunan negara. Paras pendapatan yang kita tentukan sebagai garis pemisah antara miskin dan tidak miskin dibuat tanpa mengambil kira pengurangan perbelanjaan sara hidup akibat daripada kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan atau keadaan setempat. Pembinaan sekolah dan klinik umpamanya mengurangkan perbelanjaan. Demikian juga subsidi berbentuk barang perlu. Di samping itu penduduk yang tinggal di tempat yang terpencil tidak perlu membayar berbagai cukai dan membuat lain-lain perbelanjaan. Walaupun faktor-faktor ini amat berkesan dari segi sara hidup, ia tidak diambil kira.

Oleh itu angka-angka kemiskinan dalam Kajian ini tidaklah boleh dianggap sebagai tepat. Ia cuma menjadi “indicator” pendapatan sahaja dan tidak menjadi “indicator” kuasa membeli.

Seperkara yang perlu dielak ialah tindakan pembasmian kemiskinan melalui pembayaran “dole” atau subsidi sara hidup yang sudah menjadi amalan beberapa negara Barat. Pemberian “dole” telah menyebabkan kemerosotan ekonomi beberapa negara Barat sehingga mereka tidak lagi dapat

bersaing dengan negara lain yang maju dan yang membangun. Sebenarnya, apabila sahaja pendapatan dijamin, sama ada bekerja atau tidak, maka minat bekerja akan hilang. Dan, di waktu ekonomi negara merosot dan pendapatan Kerajaan berkurangan, di waktu itulah pengangguran dan "dole" akan bertambah. Dengan perkataan lain di waktu pendapatan Kerajaan merosot, di waktu itulah perbelanjaan "dole" meningkat.

Di Malaysia mereka yang tidak bekerja akan menjadi beban kepada keluarga mereka. Oleh itu seseorang itu tidak suka menganggur dan menjadi beban kepada keluarganya. Sistem kekeluargaan atau "extended family system" kita akan kekal dan menolong menstabilkan masyarakat dan negara. Keretakan sistem keluarga di Barat membawa kepada keruntuhan akhlak sehingga anak tidak lagi menghormati ibu bapa, orang muda tidak kenal orang tua, dan institusi perkahwinan diketepikan. Balasan kepada keruntuhan akhlak sudahpun menimpa dengan penyakit-penyakit baru yang tidak dapat diubati yang menyerang masyarakat yang tidak berakhlak. Jika kita membenarkan diri kita dipengaruhi oleh konsep "welfare state" yang tidak terhad, akan hancurlah keluarga sebagai unit masyarakat serta sistem akhlak yang berpunca daripada hidup berkeluarga.

Walaupun bantuan wang akan diberi oleh Kerajaan dalam keadaan tertentu, dalam usaha kita untuk membasmi kemiskinan, kita akan bergantung lebih kepada membekal ilmu dan kemahiran dan mewujudkan peluang dan rancangan yang akan membolehkan rakyat mendapat pendapatan dengan usaha mereka sendiri. Proses ini dapat dilihat, umpamanya daripada skim FELDA, di mana orang yang tidak memiliki tanah menjadi peneroka dalam rancangan. Anak kepada peneroka pula sudah berpeluang mendapat pelajaran tinggi. Pendapatan peneroka meningkat

tetapi pendapatan anak peneroka meningkat lebih lagi dengan tenaga mereka sendiri selepas diberi asas dan peluang oleh Kerajaan. Di samping itu, dengan pengeluaran getah, kelapa sawit, minyak serta lain-lain, negara dapat menambah pendapatan yang boleh digunakan untuk menolong orang lain pula yang belum mendapat pertolongan. Sebaliknya, jika orang yang tidak memiliki tanah diberi elaun atau "dole" kerana tidak ada pendapatan, masyarakat dan negara akan menanggung beban yang akan meningkat sepanjang masa.

Proses agihan kekayaan tidak berhenti dengan usaha ini sahaja. Untuk menentukan rakyat Malaysia menikmati kekayaan negara, Kerajaan dan pihak swasta telah membeli balik beberapa perusahaan yang dimiliki oleh orang asing. Permodalan Nasional Berhad adalah di antara beberapa agensi yang telah berjaya membawa balik syarikat-syarikat gergasi dalam bidang perlombongan, estet, kewangan dan lain-lain.

Kerajaan telah menetapkan bahawa syarikat-syarikat milik Kerajaan akan dibahagikan kepada sebanyak-banyak rakyat yang berminat. Dengan penubuhan Amanah Saham Nasional, setiap orang rakyat bumiputera yang mempunyai \$10 boleh memiliki saham dalam syarikat-syarikat yang menggunakan modal Kerajaan. ASN sudah menjadi "Unit Trust" yang terbesar di dunia dari segi bilangan pemegang saham, dengan jumlah 1.4 juta ahli semuanya. Hingga kini pelaburan oleh mereka sudah meningkat kepada \$985.1 juta.

Tetapi pemilikan saham secara pasif, walaupun adil dari segi pembahagian kekayaan negara, tidak akan meningkatkan kecekapan pengurusan atau bilangan pengurus bumiputera. Oleh itu, adalah penting bagi Kerajaan menolong bumiputera yang berminat berniaga sendiri, dan mengambil alih

beberapa syarikat asing. Sebenarnya, satu daripada kelemahan negara kita ialah kurangnya pengurus yang cekap. Oleh sebab itu Universiti Keenam diberi tugas khas melatih bakal pengurus, terutama daripada kalangan bumiputera.

Kita percaya, dengan tindakan-tindakan yang telah disebut di sini dan juga lain-lain tindakan, masyarakat dan negara akan maju dengan lebih pesat lagi, dan akan memperolehi kekayaan, yang boleh diagih dengan adil untuk mengurangkan kemiskinan. Tidak sepatutnya ada kemiskinan di Malaysia di waktu ini, jika kita semua sanggup bekerja kuat dan tidak meminta bermacam-macam syarat sebelum bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, peranan Kerajaan di dalam pembangunan sesebuah negara ialah untuk menyediakan asas-asas yang kukuh supaya satu struktur ekonomi yang progresif dan stabil akan wujud. Atas kesedaran ini, Kerajaan telah membelanjakan kira-kira \$40,400 juta dalam tempoh tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat dan ini merupakan 94.4% daripada peruntukan lima tahun. Perbelanjaan yang besar ini adalah bagi mengatasi kesan daripada kemelesetan ekonomi dunia seperti yang telah saya sebutkan tadi. Saya tidaklah bercadang untuk menyentuh kemajuan daripada usaha-usaha tersebut secara terperinci. Memadailah bagi saya menyatakan di sini bahawa negara kini mempunyai satu sistem infrastruktur yang lebih baik, asas ekonomi yang lebih kukuh dan mutu kehidupan yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin pula meninjau prospek bagi tempoh 1984-85. Prospek bagi tempoh ini menunjukkan bahawa negara akan mencapai pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan, iaitu 6.7% setahun. Dalam Ucapan Belanjawan Menteri Kewangan tahun 1984 di Dewan ini

pada bulan Oktober lalu, Kerajaan telah meramalkan bahawa pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 1984 ialah pada kadar 6%. Kadar pertumbuhan yang terbaru sebanyak 6.7% ini adalah lebih tinggi kerana ramalan ini telah mengambilkira perkembangan-perkembangan terbaru. Ramalan ini juga berdasarkan pertumbuhan antara 3 hingga 3.5% bagi negara-negara perindustrian. Dari segi keluaran, sektor pertanian, perlombongan dan pembuatan akan menjadi bertambah baik, manakala sektor-sektor lain pula akan berkembang dengan sederhana. Bagi sektor pertanian, perkembangan keluaran akan bergantung kepada kelapa sawit, manakala bagi sektor perlombongan, sumber pertumbuhan adalah daripada gas asli.

Peranan sektor awam dalam pertumbuhan ekonomi bagi dua tahun ke hadapan akan dikurangkan memandangkan bahawa penglibatan Kerajaan pada masa ini adalah terlalu luas. Bagi tempoh 1981-83, perbelanjaan sektor awam kepada jumlah perbelanjaan negara telah mencapai 33.4%. Di samping itu, Kerajaan juga perlu menyusun semula peranannya bagi memperbaiki jurang antara sumber kewangan dengan perbelanjaan. Selaras dengan ini, perbelanjaan pembangunan sektor awam bagi tempoh 1984-85 adalah berjumlah \$19,200 juta. Jumlah ini, secara purata tahunan, adalah 29% lebih rendah daripada yang dibelanjakan dalam tempoh 1981-83. Walau bagaimanapun, usaha mengurangkan perbelanjaan telah dijalankan dengan berhati-hati bagi memastikan pertumbuhan yang berterusan dalam jangka panjang serta mengelakkan kesan yang tidak diinginkan ke atas pelaksanaan program-program pembangunan, khususnya yang memberi sumbangan kepada pencapaian objektif Dasar Ekonomi Baru.

Daripada jumlah \$19,200 juta ini, sumbangan Kerajaan Persekutuan

adalah sebanyak \$15,400 juta. Daripada jumlah tersebut, \$3,065 juta atau 19.9% adalah bagi projek-projek pertanian dan pembangunan luar bandar, \$1,399 juta atau 9.1% bagi perdagangan dan perindustrian, \$3,732 juta atau 24.2% bagi pengangkutan dan perhubungan dan \$2,081 juta atau 13.5% bagi kemudahan awam dan tenaga. Sektor-sektor sosial dan keselamatan pula masing-masingnya diperuntukkan sebanyak \$2,787 juta atau 18.1% dan \$2,007 juta atau 13% daripada perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan.

Pertumbuhan ekonomi di masa hadapan, sebahagian besarnya, akan bergantung kepada kegiatan sektor swasta. Pelaburan dalam sektor berkenaan dijangka berkembang pada kadar 11.5% setahun iaitu sebanyak \$3,219 juta bagi tempoh 1984-85. Dengan perkembangan ini sektor swasta akan menyumbangkan kira-kira 67% daripada jumlah tambahan pelaburan negara berbanding dengan 60% bagi tempoh 1981-83. Strategi utama bagi penglibatan sektor swasta yang lebih besar ialah melalui dasar penswastaan. Strategi ini akan juga menjamin beban kewangan Kerajaan dikurangkan, dan pada masa yang sama, mutu perkhidmatan akan dipertingkatkan. Bagaimanapun, suka saya memberi jaminan di sini, bahawa penswastaan akan dilaksanakan sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru. Malah saya percaya strategi ini akan menambahkan lagi peluang bumiputera dari segi hakmilik, pekerjaan dan peluang-peluang perniagaan. Pendapatan kakitangan perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan yang akan diswastakan tidak akan terjejas kerana penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman daripada kemelesetan ekonomi telah memberi faedah kepada kita kerana ianya telah menambahkan lagi keupayaan kita untuk menghadapi masa hadapan yang penuh dengan cabaran. Tetapi, yang paling utama, ialah ianya telah mendedahkan kita kepada

beberapa kelemahan di dalam struktur ekonomi negara. Oleh yang demikian, kita tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian di masa lalu kerana apa yang penting kepada negara ini dan juga kehidupan kita ialah matlamat untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang berterusan, di samping membentuk corak pembahagian yang saksama. Berasaskan ini, Kajian Separuh Penggal yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini, adalah berbeza daripada Kajian-kajian terdahulu. Ianya bukan sahaja merupakan satu dokumen yang merakamkan pencapaian dan prospek, tetapi juga yang mengandungi garis panduan bagi penerapan nilai-nilai baru dan strategi pelaksanaan yang lebih bersesuaian dengan kehendak semasa.

Kajian Separuh Penggal ini cuba mengemukakan satu arah baru di dalam struktur pembangunan ekonomi negara. Pada kebiasaannya, kita mendapati bahawa kemajuan ekonomi selalu dikaitkan dengan peningkatan jumlah keluaran dan pendapatan. Kita sering lupa bahawa pembangunan juga menekankan penggunaan sumber-sumber negara yang terhad secara optimum. Oleh yang demikian, rakyat Malaysia perlu meninggikan pengetahuan dan mengumpul pengalaman yang berfaedah dan sesuai daripada negara-negara lain. Dalam hal ini, Dasar Pandang Ke Timur telah diperkenalkan oleh Kerajaan, dan dasar ini mengandungi beberapa sikap dan nilai yang perlu kita amalkan. Sikap dan nilai-nilai ini juga merangkumi aspek-aspek peribadi dan cara hidup yang akan membantu kita dalam menghadapi cabaran untuk maju. Malah dari sinilah lahirnya semangat untuk bekerja kuat, berdedikasi dan berdikari. Unsur-unsur ini juga bertujuan untuk melahirkan konsep Bersih, Cekap dan Amanah dan mengukuhkan Kepimpinan Melalui Teladan. Semua nilai dan sikap yang perlu kita amalkan adalah secukupnya dan menjadi sebahagian daripada nilai-nilai Islam yang akan diserapkan oleh pentadbiran negara.

Strategi pembangunan akan juga diarahkan bagi membina satu kerjasama erat antara sektor awam dan swasta supaya sumber-sumber ekonomi, termasuk keupayaan tenaga manusia, dapat digunakan dengan sebaik-baiknya. Sejajar dengan falsafah ini, Kerajaan telah mengemukakan konsep Persyarikatan Malaysia supaya dengan itu dapat diwujudkan satu semangat kerjasama antara sektor awam dan swasta yang akan melicinkan proses pembangunan negara. Dalam melaksanakan konsep ini, pendekatan dan aturcara kerja memerlukan beberapa perubahan. Agensi-agensi Kerajaan perlu lebih mengetahui keperluan dan masalah sektor swasta, sementara sektor swasta pula perlu memahami hasrat dan cita-cita Kerajaan. Sehubungan dengan ini, beberapa bidang kerjasama sedang dikenalpasti untuk dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha pembasmian kemiskinan akan terus menjadi satu daripada dua matlamat penting pembangunan negara.

Semenjak Malaysia merdeka, pembangunan luar bandar telah diberi perhatian khusus oleh Kerajaan. Di sini, luar bandar tidak bermakna keadaan fizikal atau "geographical" tetapi bermakna kawasan-kawasan yang diduduki oleh petani dan nelayan yang miskin. Kawasan-kawasan estet besar dan kawasan lombong yang dimiliki oleh orang-orang dan syarikat-syarikat yang kaya, walaupun berada di luar kawasan bandar, tidak ditakrif sebagai kawasan luar bandar dari segi perancangan dan program pembangunan negara. Namun demikian perhatian diberi juga kepada kampung-kampung baru dan kampung untuk buruh estet.

Dengan perkataan lain, pembangunan luar bandar bermakna pembangunan masyarakat desa yang miskin. Pembangunan ini merupakan satu usaha agihan kekayaan dari bandar dan daripada yang kaya, kepada desa

dan yang miskin. Berpuluh ribu juta ringgit telah dibelanjakan untuk maksud ini dan berpuluh ribu juta ringgit lagi akan dibelanjakan dalam rancangan-rancangan yang akan datang. Di antara projek yang terbesar ialah Rancangan Perairan Muda dan Kada, Jengka Tiga Segi, Pahang Tenggara, Johor Tenggara, rancangan-rancangan FELDA dan RISDA, KEDA, pengkalan-pengkalan nelayan di pantai timur dan barat, rancangan air dan letrik luar bandar, jalan-jalan kampung, klinik dan sekolah desa, subsidi padi, subsidi nelayan, dan seribu satu lagi projek dan bantuan yang dianggap penting dan mampu dibiayai oleh negara. Cuma mereka yang buta hati sahaja yang tidak dapat melihat usaha-usaha untuk membangunkan masyarakat desa. Seperti kata peribahasa, "Tidak ada orang yang lebih buta daripada yang celek tetapi tidak mahu melihat".

Bagi Kerajaan, kita berhak berbangga dengan dasar, pelaksanaan dan pencapaian pembangunan luar bandar. Kita sudah pun menjadi contoh dan teladan kepada negara-negara membangun yang lain dan kepada agensi-agensi antarabangsa dalam pembangunan ini. Tetapi, Kerajaan tidak suka mendabek dada dan berpuas hati dengan pencapaian kita ini. Kerajaan tidak berhenti mengkaji dan mencari jalan dan usaha lain untuk mempertingkatkan lagi pembangunan desa.

Dalam semakan setengah penggal Rancangan Malaysia Keempat, satu kajian yang mendalam telah dibuat dan kita telah bersetuju untuk menerima satu pendekatan baru.

Sebenarnya di zaman moden ini kita tidak lagi boleh menerima sistem "peasantry" atau sistem di mana petani cuba menampung sara hidup dengan memiliki dan mengerjakan sekeping tanah sebesar kangkang kera. Walau

apa pun bantuan diberi, hasil daripada tanah milik yang kecil ini tidak mungkin menampung kehidupan petani.

Para intelektual kita yang bijaksana sering mencadang pembahagian tanah yang kononnya dimiliki oleh "absentee landlord", iaitu tuan tanah yang tinggal di bandar dan menyewakan tanah mereka kepada petani yang miskin. Para intelektual ini sebenarnya ahli teori yang terpengaruh dengan pendapat Barat bahawa punca kemiskinan petani ialah "absentee landlord". Perkara ini mungkin benar di Mesir, Pakistan dan Iran di zaman dahulu. Di Malaysia "absentee landlord" ini ialah mereka yang mewarisi tanah-tanah yang terlalu kecil melalui sistem faraid Islam. Tanah yang mereka miliki sekarang ialah sebahagian daripada tanah yang sudahpun kecil. Dan kebanyakan mereka ini terdiri daripada anggota polis pangkat rendah, kerani, pelayan pejabat yang bekerja di bandar kerana tidak mungkin mereka mencari nafkah daripada bahagian tanah keluarga yang dimiliki oleh mereka. Sebenarnya tidak ada "zamindar" yang kaya yang memiliki ribuan ekar tanah padi atau kebun yang disewakan kepada petani miskin.

Sebagai contoh lihat Kawasan Perairan Muda, kawasan yang terbesar sekali untuk pesawah di Malaysia. Kawasan ini ialah seluas 129,651 hektar dan penduduknya hari ini ialah kira-kira 336,000 orang. Jika tanah dalam kawasan ini dibahagi secara sama rata, maka setiap orang akan memiliki dan mengerjakan kira-kira 0.386 hektar. Ini bermakna kita akan menjadikan semua petani MADA orang yang miskin. Dan anak cucu mereka akan menjadi lebih miskin lagi.

Sepatutnya kita hentikan penanaman padi dan kita import beras yang lebih murah dari negara-negara lain. Tetapi ini adalah merbahaya kerana jika ada kecemasan, kita tidak akan mempunyai apa-apa makanan. Kita mestilah

mengeluarkan padi sendiri. Soalnya, apakah kita perlu menjadikan pesawah mangsa kepentingan strategi makanan negara?

Kerajaan berpendapat bahawa kita tidak perlu menjadikan penanam padi dan orang-orang di desa sebagai mangsa. Tetapi untuk memelihara mereka daripada nasib yang buruk ini, mereka mestilah sanggup menukar, secara beransur-ansur, cara hidup dan pergantungan mereka kepada pengeluaran padi.

Di Malaysia, kita telah lihat bagaimana estet getah dan kelapa sawit memberi lebih banyak hasil daripada satu ekar berbanding dengan hasil kebun pekebun kecil. Sebabnya ialah estet diurus dengan cara yang lebih efisien. Apakah penanam padi secara estet besar boleh menjadi lebih efisien atau tidak? Kerajaan percaya ianya boleh menjadi lebih efisien.

Selain daripada itu, kehidupan di kampung, walaupun mencerminkan kebudayaan desa kita, dan amat cantik jika dilukis dengan pohon kelapa dan bulan purnama untuk kad hari raya, tetapi hakikatnya ialah kehidupan di kampung tradisi adalah sukar dan kos penyediaan kemudahan seperti bekalan air, api, jalan, klinik kesihatan, sekolah dan lain-lain adalah tinggi dan menghalang perusahaan yang boleh memberi pendapatan yang bertambah kepada penduduknya.

Memandang kepada hakikat ini dan kepentingan petani di luar bandar, maka Kerajaan berpendapat bahawa pendekatan yang bijak dan lebih menguntungkan petani dan negara ialah dengan mengadakan program pertanian berkelompok dan pengumpulan kampung-kampung yang berdekatan untuk dijadikan bandar kecil.

Pesawah, umpamanya, akan mencantumkan tanah mereka yang sebelah-menyebelah untuk menjadi estet padi.

Pengurus-pengurus estet akan dilatih oleh Kerajaan dan dibayar gaji oleh koperasi pemilik tanah. Jentera-jentera juga akan dimiliki oleh koperasi estet. Pemilik tanah akan mendapat saham dalam estet mengikut saiz tanah mereka sebagai peratusan daripada saiz estet. Hakmilik serta geran mereka akan kekal sebagai hak mereka dan zuriat mereka. Saham mereka juga boleh diniagakan sama seperti geran dan akan tertakluk kepada syarat asal geran. Misalannya, jika tanah itu adalah simpanan Melayu, saham juga akan tertakluk kepada syarat-syarat simpanan Melayu.

Sementara sawah mereka disatukan dan diurus sebagai estet, peserta sesuatu skim akan ditempatkan semula dalam satu kawasan yang sesuai dalam estet itu. Oleh kerana rumah-rumah yang akan dibina akan mengikut pelan yang tertib, tanah untuk bandar kecil yang akan diwujudkan tidak akan dibazirkan. Dengan perkataan lain, lebih banyak tanah peserta boleh diguna untuk ladang atau kepentingan lain yang berhasil daripada jumlah keluasan kampung-kampung yang dicantumkan.

Bandar-bandar ini akan dibekal dengan kemudahan air, letrik, jalan dan lain-lain. Sekolah dan klinik akan diadakan mengikut keperluan. Begitu juga kedai-kedai akan diadakan.

Selain daripada kedai-kedai yang boleh menjadi punca pendapatan kepada yang ingin berniaga, industri kecil yang sesuai dengan sumber alam tempatan dan lain-lain faktor akan dikenalpasti. Pesawah yang tidak bekerja di sawah atau yang mempunyai masa lapang boleh bekerja secara tertib di kilang-kilang yang mungkin dimiliki sepenuhnya atau separuh oleh koperasi pesawah. Pendapatan penduduk bandar kecil akan bertambah melalui gaji serta keuntungan koperasi. Percubaan yang sudah dan sedang dijalankan menunjukkan bagaimana pendapatan daripada industri kecil kerap melebihi pendapatan sebagai pesawah.

Rancangan ini bukanlah untuk pesawah sahaja. Nelayan, pekebun kecil dan orang-orang yang tidak memiliki tanah sama sekali, boleh juga menyertai rancangan ini. Pembangunan akan disesuaikan dengan keadaan tempat, latar belakang dan kemampuan golongan-golongan yang terlibat.

Masalah dan halangan terhadap skim ini akan tetap dialami. Penduduk desa sendiri mungkin akan menentang penyatuan tanah mereka dan penempatan semula mereka di bandar-bandar kecil yang dirancangan. Daripada pengalaman yang didapati di Kedah dan Kelantan, dan beberapa negeri lain, kecurigaan dan tentangan mereka boleh diatasi melalui penerangan yang jelas dan pelaksanaan yang berhati-hati.

Yang akan menjadi masalah besar ialah percubaan ahli politik dan orang-orang yang ingin menjadi jaguh, untuk menjadikan usaha baik Kerajaan ini sebagai satu isu. Di waktu Rancangan Perairan Muda dilaksanakan, orang-orang jenis ini telah muncul untuk kononnya mempertahankan hak petani. Di antara hujah yang disebarkan oleh mereka berkenaan dengan MADA ialah "Petani akan mati kerana terpaksa kerja sepanjang tahun", "Kain mereka tidak akan kering kerana bekerja dalam sawah sepanjang masa". "Tanah akan menangis kerana tidak dapat rehat", (*Ketawa*) "Penanaman padi dua kali setahun adalah bercanggah dengan kehendak Tuhan", "Harga padi akan turun kerana terlalu banyak padi", dan bermacam lagi hujah yang ganjil.

Tetapi, hari ini orang yang sama, setelah melihat pendapatan petani MADA bertambah, telah mengecam Kerajaan kerana kononnya tidak adil. Mereka mendakwa ada tempat-tempat yang tidak mendapat air dari Ampangan Muda, dan tidak dapat tanam dua kali setahun. Pendapatan petani di luar kawasan MADA dikatakan rendah oleh kerana kesilapan Kerajaan.

Waris orang-orang yang sama, serta satu golongan cerdik-pandai tertentu, sudah tentu akan menjadikan rancangan penyusunan semula penduduk luar bandar ini sebagai sasaran mereka. Sudah tentu ada orang yang akan berkata skim ini bermakna akan hilanglah kecantikan kampung Melayu, dan akan hilanglah kebudayaan asli. Mereka akan mengecam oleh kerana tuan tanah kononnya dijadikan pekerja bergaji, rancangan tidak ekonomik, merugikan dan bermacam-macam lagi tohmahan yang mana fikiran normal tidak dapat menciptakannya tetapi mereka boleh ciptakan. Sudah tentu hadis dan firman akan dicari, dikerat-keratkan, disalah tafsir dan dilempar bagi menggagalkan usaha baik ini, semata-mata kerana ingin menonjol kecerdikan atau kerana kepentingan politik.

Tidak cukup dengan memburukkan rancangan ini, saya yakin mereka akan menghasut penduduk desa sendiri supaya membangkang dan menghalang projek ini.

Saya ingin tegaskan di sini bahawa Kerajaan akan terus berusaha untuk menjayakan rancangan memulih keadaan di desa dan penduduk desa. Pegawai-pegawai akan diberi taklimat penuh, dilatih dan ditugaskan untuk menjayakan projek ini. Berani kerana benar—dan Kerajaan berani melaksanakan skim ini kerana Kerajaan sedar akan kebenaran usahanya ke arah kebahagiaan masyarakat desa. Saya yakin skim ini adalah langkah yang penting dan utama yang akan membawa petani dan nelayan dari abad ke sembilan belas ke abad dua puluh, serta menyediakan mereka untuk menghadapi cabaran abad kedua puluh satu.

Inilah satu daripada usaha baru Kerajaan ke arah pembasmian kemiskinan khususnya di desa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memesatkan lagi pembangunan wilayah, Kerajaan akan mengemukakan beberapa pendekatan baru dalam strategi yang akan dijalankan. Peranan dan sumbangan sektor swasta akan diambil kira sepenuhnya dalam proses pembangunan negara, terutamanya pembangunan industri. Perancangan pembangunan yang selama ini berasaskan kepada sempadan negeri, akan disusun semula supaya menekankan konsep pembangunan wilayah yang lebih menyeluruh. Pendekatan perancangan yang sedemikian akan dapat memberi faedah yang optimum kepada setiap negeri di samping mengurangkan persaingan yang kurang sihat antara negeri yang berjiran.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia yang luasnya 334,000 kilometer persegi mempunyai jumlah penduduk seramai 14.8 juta. Berbanding dengan Britain yang luasnya 245,000 kilometer persegi dengan 55 juta orang penduduk, dan Filipina dengan 300,000 kilometer persegi dan 45 juta orang, dan lain-lain negara maju dan membangun, bilangan penduduk Malaysia adalah kecil. Bilangan yang besar tidak bermakna kemewahan, tetapi bilangan yang terlalu kecil membawa banyak masalah. Di antaranya ialah pasaran dalam negeri adalah terlalu kecil untuk menampung "mass consumption industry". Memandang kepada inilah maka Kerajaan telah menentukan bahawa Malaysia harus mempunyai jumlah penduduk seramai 70 juta akhirnya.

Matlamat ini bukanlah tidak bersyarat. Penduduk yang ramai tidak akan membawa kebahagiaan melainkan mereka rajin bekerja dan berdisiplin. Oleh itu, dari sekarang lagi sifat-sifat yang baik termasuk kerajinan dan disiplin mestilah dipupuk di kalangan semua penduduk, terutama generasi baru. Teladan yang baik mesti ditunjuk oleh ibu bapa, guru-guru dan ahli-ahli politik juga. Insya-Allah, dengan

bilangan penduduk yang besar, berdisiplin dan rajin, Malaysia akan menjadi sebuah negara yang berjaya dan dihormati oleh semua.

Kita telah maju setapak lagi dalam usaha memperkukuhkan sektor perindustrian negara. Daripada struktur industri yang menumpukan kepada perusahaan gantian import barang-barang pengguna, kita kini telah memasuki era baru di mana tumpuan telah diberikan kepada pembangunan industri gantian import peringkat kedua dan industri berat. Dengan tertubuhnya industri-industri berat, berbagai faedah sampingan atau rangkaian akan dihasilkan terutamanya dari segi menggunakan sumber-sumber asli negara dan menyediakan asas untuk memajukan teknologi tempatan. Industri-industri berat ini, selain daripada menjimatkan pertukaran wang asing akan juga menyediakan peluang untuk menambahkan kemahiran yang boleh digunakan dalam industri-industri lain di samping memberi peluang mempelajari cara-cara mengurus perusahaan-perusahaan perindustrian besar. Ini akan secara langsung meluaskan lagi asas ekonomi negara. Di samping itu galakan istimewa akan diberi kepada industri kecil. Kerajaan sendiri akan mengenalpasti dan menyediakan kajian kemungkinan atau "feasibility studies", di mana perlu, supaya penduduk luar bandar akan dapat menyertai perkembangan perindustrian.

Dari sudut perancangan pula, satu Pelan Induk Perindustrian yang menyeluruh sedang dirangka. Secara khusus, ianya akan memastikan terbentuknya rangkaian yang lebih lengkap antara sektor, penggunaan sumber yang optimum dan pertumbuhan perindustrian yang lebih sejajar antara kawasan.

Di sini perlu ditegaskan sekali lagi bahawa jaya atau tidaknya strategi dan pelaksanaan rancangan perindustrian tidaklah bergantung semata-mata

kepada dasar, modal dan teknologi. Lebih penting daripada tiga asas ini ialah kecekapan pengurusan dan minat serta kesanggupan bekerja.

Negara-negara yang sekarang sudah maju dalam bidang industri telah membuat pengorbanan yang banyak sebelum berjaya. Pekerja mereka bekerja kuat dan tidak mengutamakan kepentingan diri. Cuma apabila mereka maju sahaja barulah fikiran ditumpukan kepada nikmat yang lebih untuk diri sendiri.

Rancangan perindustrian Malaysia akan gagal jika awal-awal lagi bermacam-macam tuntutan dan ugutan dibuat oleh kakitangan. Kita tidak ingin pekerja diperhambakan, tetapi pekerja pula tidak harus mengguna kuasa mogok dan sebagainya dengan tidak memikir kesan jangka panjang. Jika rancangan perindustrian kita gagal, bukan sahaja syarikat yang terlibat yang akan rugi, tetapi pekerja sendiri akan rugi. Dan seterusnya semua rakyat akan rugi dan Malaysia akan terus dijajah dari segi ekonomi.

Dalam industri baru, cuma "in-house union" sahaja patut diadakan. Mereka yang berminat untuk mengguna tindakan perusahaan sebagai asas kuasa bagi diri sendiri tidak ada tempat. Malaysia, sebagai negara yang membangun, tidak mampu mengamal cara dan permainan negara yang maju. Jika ekonomi negara yang sudah maju pun boleh runtuh kerana tindakan perusahaan yang tidak bertanggungjawab, apatah lagi negara membangun seperti Malaysia. Berkorbanlah dahulu. Kebahagiaan akan datang kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, kekuatan kita sebagai sebuah negara yang merdeka telah teruji dalam saat-saat kita menghadapi kemelesetan ekonomi. Kita masih mampu untuk mencatatkan kemajuan dan ini adalah hasil daripada semangat dan ketekunan bekerja. Walaupun telah ada tanda-tanda

bahawa kemelesetan akan berakhir, ini tidaklah bermakna yang kita sudah boleh berpeluk tubuh dan menuntut itu dan ini. Kita kini memasuki satu era baru. Kekuatan ekonomi kita akan bergantung sepenuhnya kepada peningkatan daya pengeluaran dan keupayaan untuk bertanding dengan negara-negara lain. Saya berpendapat bahawa satu-satunya harta yang paling bernilai bagi negara ini ialah semangat penduduknya untuk berjaya dan kesungguhan bekerja. Marilah kita sama-sama menyambut cabaran zaman dan bekerja dengan lebih gigih bagi memastikan kemajuan yang lebih besar. Semoga Allah Subhanahu Wataala memberkati usaha-usaha kita dan meneguhkan semangat kita untuk menghadapi segala ujian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan (*Tepuk*).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

4.37 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan hujah-hujah saya ini bukan hujah ganjil seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita seperti mana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat sedang menghadapi satu cabaran yang besar, maka wujudlah keperluan mendesak bagi perubahan yang keras di dalam struktur doktorin dan matlamat-matlamat bersatu-padu supaya mengadakan suatu warisan kestabilan yang berkekalan. Usaha sedemikian memerlukan suatu gabungan luar biasa, keberanian dan

daya cipta untuk menjamin jenis dan arah baru pembangunan negara yang bermakna serta pandangan ke hadapan yang jauh. Keberanian juga akan diperlukan bagi mengelakkan penafian, tanggungjawab, kelemahan-kelemahan utama dan kegagalan-kegagalan Rancangan Malaysia Keempat serta Dasar Ekonomi Baru dan menyalahkan pihak-pihak lain pula.

Selepas 20 tahun atau satu generasi pelaksanaan DEB, menjelang tahun Azzai 1990, garisan menegak perkauman mestilah dibasmikan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kini selepas 14 tahun pelaksanaan rangka rancangan jangka panjang dan Dasar Ekonomi Baru, kedua-duanya merupakan sebuah sambang tanpa lebah yang mencukupi dan kadangkala disambar dan dirempuh oleh tebuhan-tebuhan.

Dengan pengenalan Dasar Pandang ke Timur dan pelbagai nilai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berharap memenuhi sambang ini dengan lebah manusia yang mempunyai keazaman dan etik Jepun, dengan ibarat mewujudkan masyarakat lebah manusia Malaysia MLMM atau ML2M, inilah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berharap akan terus menuju kepada kejayaan di Malaysia.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh
mempengerusikan Mesyuarat)

Saya ingin menegaskan bahawa keadaan ini tidak akan wujud selagi masalah-masalah sosio ekonomi diatasi melalui dasar-dasar politik serta perkauman. Adalah mustahil untuk membuat kajian terperinci 2½ tahun prestasi ekonomi Malaysia yang terkandung dalam dokumen Kajian Separuh Penggal ini dalam masa 2½ hari sahaja, ia telah pun terlambat selama 9 bulan. Jika pihak Kerajaan yang mempunyai tenaga manusia dan kemudahan yang lengkap telah

mengambil lebih daripada satu tahun untuk menyediakan dokumen Kajian Separuh Penggal ini, apatah lagi dengan pihak kami. Kajian Separuh penggal ini adalah suatu dokumen yang merupakan penjelmaan politik, ekonomi dan perkauman, ia berhajat mengatasi dan menyelesaikan masalah-masalah sosio ekonomi negara, tetapi pada masa yang sama meletakkan asas bagi menyambung Dasar Ekonomi Baru. Ini adalah jelas dari kata-kata pendahuluan kajian ini di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa butir-butir lanjut mengenai program-program pembangunan yang diperlukan akan dijelaskan dalam Rancangan Malaysia Kelima tahun 1986-1990. Perubahan-perubahan secara kasar yang telah ditunjukkan dalam kajian ini akan menjadi teras bagi perubahan-perubahan penting yang dijangka berlaku. Adalah jelas daripada kenyataan Perdana Menteri bahawa butir-butir rancangan pembangunan akan dinyatakan di dalam Rancangan Malaysia Kelima untuk tahun 1985-1990, nampaknya Kerajaan 2M sedang cuba mengasingkan diri mereka dari tanggungjawab bagi kegagalan 14 tahun pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang lampau supaya Rancangan Malaysia Kelima akan benar-benar merupakan ciptaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Saya mencadangkan supaya Yang Amat Berhormat mengadakan asas-asas bagi pembasmian sepenuh garisan menegak perkauman menjelang tahun 1990. Penciptaan suatu golongan plutokrasi dan moverage daripada mana-mana kaum di negara ini tidak sama sekali akan menyelesaikan masalah-masalah negara. Mereka yang rajin bekerja mesti diberikan ganjaran yang sewajarnya di mana bidangpun yang terlibat. Di dalam masyarakat ekonomi kita nilai bahan-bahan keluaran dan perkhidmatan-perkhidmatan mesti ditentukan oleh

pasaran bebas. Kita mesti mendorong penjimatan dan mengelakkan pembaziran.

Tabungan Negara sepertimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat mesti digunakan bagi pelaburan jangka panjang yang stabil demi manfaat negara dan rakyat. Manakala adalah benar bahawa rakyat Malaysia mesti berani menerima hakikat bahawa kita sedang menghadapi suatu masa yang tenat dan menjunjung beban, ubahsuaian-ubahsuaian yang diperlukan bersama.

Pentadbiran 2M pula mesti menjamin bahawa unsur-unsur perkauman dan pembaziran yang keterlaluan akan dibasmi sama sekali. Rakyat mesti mengenal keadilan dan kesaksamaan di dalam hal ini. Jika Kerajaan benar-benar ikhlas mengenai pembasmian kemiskinan dan mewujudkan suatu masyarakat yang seimbang, ia mesti membuktikan kepada rakyat. Kini masyarakat Melayu tidak berasa puas hati dan mempunyai harapan-harapan yang melambung yang belum ditunaikan. Pada masa yang sama masyarakat bukan Melayu berasa tidak puas hati kerana unsur-unsur perkauman yang menyelubungi Dasar Ekonomi Baru.

Tabiat "zero-sum" telah wujud dalam tempoh 14 tahun ini. Apa yang menguntungkan satu kaum dianggap sebagai satu kerugian kepada kaum yang lain. Setakat ini penaksiran pencapaian matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru dalam Kajian Separuh Penggal ini menunjukkan kegagalan di hampir semua sektor.

Saya tidak menafikan bahawa kemelesetan ekonomi dunia telah meninggalkan kesan-kesannya di atas kelembapan ekonomi Malaysia tetapi adalah juga jelas bahawa prestasi ekonomi negara kita yang lemah adalah juga disebabkan oleh kelemahan-kelemahan struktur dan bukan sahaja

kemelesetan ekonomi dunia. Salah urusan sumber-sumber asli yang keterlaluan seperti dibuktikan oleh skandal BMF dan KLCE baru-baru ini telah menyebabkan suatu krisis keyakinan. Imej negara kita telah mengalami suatu kejatuhan yang amat besar di dunia perniagaan antarabangsa dan bank.

Suatu lagi hakikat adalah bahawa matlamat-matlamat rancangan ekonomi masa depan terlalu bergantung kepada angka-angka sasaran "azai", seperti kadar pertumbuhan 13% setahun di dalam sektor pembuatan, 30% ekuiti Melayu, 19.7% pembasmian kemiskinan pada tahun 1990 dan 8% setahun pertumbuhan ekonomi. Pada mulanya kezaiban tahun 1990 telah merupakan suatu penawaran untuk menghalang masalah sosio ekonomi di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya pihak Kerajaan adalah cenderung untuk melimpahkan layanan pemeliharaan dan peluang ke atas golongan plutokrat, golongan yang berada. Sebenarnya saya tidak ada pergaduhan dengan golongan plutokrat, para jutawan ini. Ketidakpuasan saya ialah kerana kecenderungan pihak Kerajaan tersebut tidak semestinya membawa keuntungan kepada golongan miskin, sama ada Melayu, Cina ataupun India. Kemurahan hati dan kebaktian kepada golongan miskin dari golongan plutokrat ini tidak selalunya diperlihatkan. Saya mencadangkan supaya Kerajaan menumpukan lebih perhatian kepada sebahagian besar orang miskin.

Pada tempoh hari pelbagai cerita dan desas-desus telah kedengaran semenjak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan Janda Baik sebagai Taman Bandar Wilayah Persekutuan. Memang teguran-teguran ke atas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sering disiarkan, sepertimana yang berlaku ke atas Perdana-perdana Menteri di dunia. Amalan ini adalah perkara biasa.

Di sini saya tidak mahu mengeluarkan fitnah ataupun tohmah ke atas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kerana kepentingan rakyat, saya hendak menyampaikan beberapa soalan mengenai Janda Baik.

Pertama, adakah perkara Janda Baik dibincang dan diputuskan di dalam Kabinet sebelum pengumuman Yang Amat Berhormat?

Kedua, adakah benar Kerajaan hendak melimpahkan kekayaan ke atas orang-orang persendirian yang tertentu yang baru sahaja mendapat tanah di Janda Baik.

Ketiga, adakah benar Syarikat Island and Peninsular diberi tanah hutan seluas 13,000 ekar di Janda Baik dan sebagainya?

Saya berharap Yang Amat Berhormat dapat menjawab soalan-soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dokumen Kajian Separuh Penggal ini seperti dokumen-dokumen ekonomi lain negara ini merupai dokumen berunsur politik dan perkauman. DEB telah menetapkan beberapa sasaran untuk kejayaan. DEB dan Rancangan Malaysia Kedua, Ketiga dan Keempat sebagai alat penggerak. DEB menetapkan matlamat-matlamat berdasarkan kepada pertumbuhan ekonomi jangka panjang, sekurang-kurangnya 8% setahun, akan tetapi 6.7% telah dicapai dalam tahun 1974 manakala tahun 1975 menunjukkan kadar pertumbuhan 3.5% sahaja. Dekad 80an pula memperlihatkan kadar pertumbuhan ekonomi yang tidak memuaskan, misalnya 3.9% bagi tahun 1982 dan 4.6% bagi tahun 1983.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita meneliti kadar pertumbuhan KDNK ataupun Keluaran Dalam Negeri Kasar semenjak tahun 1971 boleh didapati "trend" kekurangan kadar pertumbuhan yang diharapkan bukan

sahaja berlaku kerana kemelesetan ekonomi dunia, akan tetapi faktor-faktor di dalam negeri, termasuk struktur ekonomi kita sendiri merupakan faktor-faktor yang penting. Harapan-harapan yang melangit pada tahun 1970 bahawa ketidakseimbangan yang wujud dapat diatasi tidak bermakna lagi kerana kebanyakan daripada matlamat-matlamatnya tidak akan dapat dicapai.

Falsafah DEB yang menegaskan perbezaan perkauman adalah salah satu sebab bagi kelemahan dan kegagalannya. Matlamat-matlamat dasar ini juga bergantung kepada angka-angka sasaran pembangunan ekonomi serta perkembangan sektor perkilangan yang terlalu tinggi, misalnya cuma 7.4% dicapai oleh sektor perkilangan pada tahun 1983, malah kegagalan DEB sebenarnya disebabkan oleh pelbagai faktor yang telah pun saya sebutkan tadi.

Nampaknya pihak Kerajaan akhirnya mengakui juga bahawa prestasi ekonomi negara ini yang kurang memuaskan untuk jangka kajian ini adalah disebabkan oleh bukan sahaja kemelesetan ekonomi dunia tetapi juga kelemahan-kelemahan struktur ekonomi negara ini.

Pemulihan ekonomi dunia sejak kebelakangan ini akan tergendala kerana kurangan belanjawan Amerika Syarikat yang sedang meningkat dan apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat tadi untuk mencapai kadar pertumbuhan bagi tahun ini 6.7% mungkin tidak dapat dicapai. Bagi tahun fiskal ini, Kerajaan Amerika Syarikat dijangka membelanjakan A\$183.7 ribu juta lebih daripada apa yang diperolehi dari cukai dan lain-lain hasil. Ini bermakna kurangan belanjawan kumulatif Amerika Syarikat dari tahun 1984 hingga 1989 dijangka berjumlah \$1 trillion. Ini akan mengakibatkan kenaikan kadar bunga, inflasi dan tidak menggalakkan

pelaburan modal serta menghalang pertumbuhan ekonomi. Sekiranya jangkaan ini berlaku maka pemulihan ekonomi Malaysia juga akan dipengaruhi. Akan tetapi kelemahan struktur ekonomi negara ini telah menyumbang kepada sebahagian besar kegagalan-kegagalan ekonomi negara ini. Nampaknya kini ada trend skandal di negara kita. Skandal BMF telah diikuti pula oleh skandal KLCE. Misteri skandal BMF yang menyebabkan kehilangan kira-kira \$2.5 ribu juta ataupun lebih masih belum selesai. Aliran wang yang begitu banyak ke luar negeri menjejaskan ekonomi negara kita yang sudah pun kurang memuaskan pencapaiannya. Skandal KLCE pula boleh mempunyai kesan-kesan jangka panjang yang amat buruk kerana seperti mana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat tadi pergantungan kita ke atas minyak kelapa sawit, kehilangan keyakinan oleh pihak-pihak asing untuk melabur di negara ini pasti mempunyai pengaruh ke atas pertumbuhan ekonomi negara kita.

Yang kedua, birokrasi tembam adalah satu lagi kelemahan struktur ekonomi negara ini. Jumlah gaji kakitangan Kerajaan termasuk pencen, pinjaman-pinjaman rumah dan ganjaran akan meningkat dari \$7.9 ribu juta bagi tahun 1982 kepada \$8.6 ribu juta bagi tahun 1983 kepada \$1.1 ribu juta pada tahun ini. Bukan sahaja perbelanjaan mengurus meningkat, malah kecekapan dan penyelarasan Jabatan-jabatan Kerajaan akan jatuh ekoran birokrasi tembam ini.

Ketiga, oleh kerana kurangan dalam sektor perkhidmatan yang berterusan sebanyak \$6.8 juta, imbalan pembayaran akaun semasa akan mengalami kurangan \$6.6 juta pada tahun lepas. Ini telah memaksa Kerajaan untuk menambah pinjaman asingnya sebanyak \$5.2 ribu juta dan membawa hutang negara luaran ke paras \$17.8 ribu juta sehingga akhir

tahun lepas. Kini Kerajaan terpaksa meminjam untuk membayar hutang. Selepas dadah, ketagihan hutang patut dijadikan musuh negara yang utama.

Dalam tempoh 1980-1983 sahaja hutang negara telah berlipat ganda dari \$23.15 bilion. Menurut suatu majalah pelaburan, Malaysia menduduki tempat kelima di kalangan peminjam-peminjam terbesar di rantau Asia Pasifik. Bukan itu sahaja, dalam tempoh 1980-1983 nisbah perkhidmatan hutang telah naik dari 1.8% kepada 6%. Suatu laporan menyatakan bahawa jika hutang-hutang swasta diambil kira, nisbah ini akan setinggi 12%.

Yang keempat, ekonomi negara kita adalah antara yang terlalu kuat bergantung kepada perdagangan di dunia. Ini bukanlah satu trend yang baik kerana ia adalah sumber ketidakstabilan kedua-dua pengeluaran dan pendapatan. Misalnya dalam tahun 1980 eksport Malaysia telah merupakan 60% daripada KDNK dan tahun lepas 54.1% KDNK berbanding dengan hanya 31% bagi Indonesia, 37% bagi Korea Selatan dan 14% bagi negara Jepun. Tadi Yang Amat Berhormat telah menyatakan hasratnya untuk mengurangkan hutang negara dan untuk mencari pasaran baru bagi keluaran Malaysia. Saya berharap usaha-usaha beliau dapat ditingkatkan dan membawa kesan yang baik.

Rancangan Kerajaan untuk menangguh projek-projek bernilai \$29.3 billion sebagai langkah jimat cermat ekoran dari prestasi ekonomi yang lembab adalah suatu fenomena yang baru. Kami berharap ia tidak menyusahkan golongan miskin di negara ini. Ia patut diarahkan kepada projek-projek yang tidak membawa pulangan ekonomi yang banyak seperti perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diperlihatkan bahawa akhirnya Kerajaan telah mengakui hakikat

bahawa rancangan pengswastan adalah bertujuan untuk mengurangkan beban Kerajaan terlebih dahulu dan memperluaskan peranan perusahaan swasta dalam ekonomi kemudiannya. Konsep Persyarikatan Malaysia pula kononnya akan membawa perubahan-perubahan dalam bukan sahaja sikap tetapi prosedur-prosedur di dalam sektor awam dan swasta. Kerjasama yang diwujudkan diharapkan memupuk persefahaman, mengurangkan pembaziran masa, risiko serta keadaan tidak pasti di kalangan pengusaha-pengusaha dan ahli-ahli perniagaan.

Kedua-dua rancangan tersebut merupakan sebahagian daripada Dasar Pandang ke Timur yang menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diharapkan menyemaikan nilai-nilai etik-etik kerja dan segala kebaikan cara pengurusan Jepun ke dalam cara hidup kita untuk mewujudkan ML2M yang saya sebutkan tadi. Saya tidak menafikan bahawa arah baru dari segi nilai kepimpinan dan pentadbiran untuk mewujudkan masyarakat lebah manusia Malaysia ini adalah baik sekiranya dapat dijayakan akan tetapi jurang di antara konsep dengan amalan adalah sangat luas. Di sinilah letaknya masalah yang pokok di Malaysia.

Saya juga tidak menafikan bahawa penyerapan pelajaran dan penyesuaian pengalaman, nilai dan sikap negara-negara yang telah pun berjaya dalam usaha pembangunan mereka bolehlah diterima. Kerajaan juga menyatakan bahawa keadaan sosio-ekonomi, sejarah dan kebudayaan negara-negara timur yang tersendiri hendaklah diakui dan supaya nilai-nilai dan institusi-institusi yang boleh dipindahkan dapat diperimbang dengan teliti.

Akan tetapi Kerajaan tidak rela atau berani mengakui bahawa perhubungan yang telah diadakan dengan Jepun adalah terlalu berat sebelah sehingga ia lebih mencerminkan pergantungan Malaysia ke atas Jepun. Masalahnya

adalah bahawa manakala kita mengimport sejumlah barang-barang pengguna yang semakin banyak dari Jepun, Jepun hanya membeli bahan-bahan mentah kita sahaja. Misalnya dalam tahun 1982, 37% daripada yang diimport oleh Jepun telah merupakan minyak mentah, 37% balak dan hanya 9% bahan-bahan buatan. Malaysia pula membazirkan wang kita atas bahan-bahan tak ketara seperti bayaran-bayaran insuran, pengangkutan dan sebagainya. Akibatnya imbangan perdagangan telah menunjukkan kurangan \$1.66 billion dengan merugikan Malaysia. Saya menggalakkan semua rakyat Malaysia memperlajari dari timur, barat, utara ataupun selatan, asalkan perbuatan ini tidak merugikan negara kita. Malahan kita patut berbuat demikian.

Berhubung dengan dasar Pandang ke Timur, semua rakyat Malaysia mesti mengingatkan kata-kata bekas Perdana Menteri kita Tunku Abdul Rahman dalam tahun 1971 bahawa walaupun Negeri Jepun menyediakan pinjaman-pinjaman, ia mengambil balik dengan tangannya yang lain seakan-akan dengan cara ajaib dua kali ganda jumlah yang telah dikeluarkan. Di dalam dekad yang akan datang negara Jepun merupakan suatu kuasa ekonomi dan industri yang jauh lebih kuat dengan industri-industri robot yang paling sophisticated serta maju, komputer, alat-alat elektronik, serta komunikasi satelit yang bersifat commercial.

Taraf mereka adalah sebagai kuasa ekonomi raksaksa. Pasaran mereka yang terbesar akan tetap Amerika Syarikat, Eropah dan negara China di Asia. Sikap mereka terhadap ASEAN termasuk Malaysia akan hanya merupakan sampingan sahaja. Inilah realitinya. Walau apa pun jaminan Perdana Menteri Jepun secara berdiplomasi, negara Jepun akan terus berniaga dengan ASEAN termasuk Malaysia dengan membanjiri negara kita dengan barang-barang

penggunanya. Mereka akan berakar umbi di sini dan menggunakan sumber-sumber asli negara kita yang kaya ini.

Berhubung dengan manfaat-manfaat yang diperolehi oleh Malaysia dari Jepun pula, seperti pemindahan teknologi dan penyerapan nilai kehidupan dan sebagainya, memandangkan sikap negara Jepun terhadap rantau ini, pelajaran-pelajaran ini tidak akan diberikan dengan percuma. Jika kita benar-benar merupakan masyarakat lebah manusia sebarang masalah tidak akan wujud. Pelajaran-pelajaran ini akan hanya diperolehi jika rakyat Malaysia sendiri memperlihatkan sifat-sifat berdikari yang sesuai.

Bahayanya adalah dalam masa sepuluh hingga dua puluh tahun lagi Jepun akan menambahkan belunggu ekonomi ke atas negara kita dan rantau Asia. Terdapat kemungkinan yang besar rakyat Malaysia akan menganggap orang-orang Jepun sebagai penjajah-penjajah ekonomi. Inilah hakikatnya yang sebenar dan mesti diterima.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal menggubal strategi-strategi pembasmian kemiskinan, Kerajaan nampaknya selalu berada beberapa langkah di belakang pakar-pakar termasuk ahli-ahli akademik yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat tadi. Walau bagaimanapun buat pertama kalinya masalah kemiskinan telah dibincangkan dengan agak terperinci oleh Kerajaan dalam dokumen kajian separuh penggal seperti mengenalpasti kerumitan garisan kemiskinan, luasnya masalah ini dan strategi-strategi baharu untuk mengatasinya.

Saya berharap ini akan membuka peluang bagi membincangkannya dengan lebih terbuka serta kritik. Dan apa yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat mengenai program pertanian berkelompok, saya berharap rancangan seperti ini, isi kandungan dan strategi

dapat disampaikan kepada rakyat supaya kita semua memahami apa yang dimaksudkan dan cara-cara pelaksanaannya. Saya berharap akan ditumpukan kepada sasaran yang dikenalpastikan.

Saranan Kerajaan bahawa kemiskinan jenis mutlak yang diikuti dengan kebuluran, penyakit dan kematian tidak wujud di Malaysia, bukanlah suatu hakikat yang baharu diketahui. Saranan-saranan Kerajaan bahawa kadar kemiskinan dan beberapa buah negara di dalam pertengahan tahun hingga tujuh puluhan adalah empat hingga lima kali lebih tinggi daripada kadar di Malaysia, tidak patut digunakan sebagai perbandingan kerana ia tidak sama sekali akan menukarkan keadaan di dalam negara kita.

Memang benar masalah kemiskinan relatiflah yang melanda negara kita tetapi bilangan yang terlibat adalah begitu besar sehingga ketidakadilan dan ketara akan menjejaskan kestabilan negara.

Betapa besarnya masalah ini dapat difahamkan jika dibandingkan bahawa sebanyak kira-kira \$7 billion telah dibelanjakan ke atas pertanian dan pembangunan luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat pula, peruntukannya adalah \$6.7 billion. Akan tetapi seperti yang telah diumumkan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan jika \$384 sebulan dianggap sebagai pendapatan sebuah rumah tangga, dengan lima orang anggota adalah didapati bahawa 42.8% daripada jumlah penduduk Malaysia berada di bawah garisan kemiskinan termasuk 77.6% pekebun kecil kelapa, 76.2% pesawah padi dan 72.8% nelayan. Sudah pasti bahawa terdapat suatu yang amat tepat dengan strategi-strategi pembasmian kemiskinan negara kita termasuk kebenaran angka-angka Kerajaan.

Misalnya angka-angka Menteri Kebudayaan ini kononnya dikeluarkan oleh Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi adalah bercanggah dengan kadar kemiskinan di dalam dokumen kajian separuh penggal ini iaitu sepertimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat 30.3%.

Sekali lagi ini telah menunjukkan bahawa tangan kanan Kerajaan tidak mengetahui apa sahaja yang berlaku dengan tangan kirinya. Akhirnya Kerajaan telah mengakui juga bahawa adalah sukar bagi sesuatu garis kemiskinan yang tertentu menggambarkan masalah kemiskinan yang sebenar. Pada masa yang sama tidak dinyatakan bagaimana angka-angka kadar kemiskinan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3-2 diperolehi. Sebenarnya Kerajaan tidak pernah menyatakan garis kemiskinan yang digunakan atau bagaimana ianya dikira di dalam dua muka mengenai konsep-konsep ukuran kemiskinan. Kita hanya diberitahu bahawa jika dibandingkan dengan negara-negara lain, pendapatan garis kemiskinan yang digunakan di Malaysia adalah dianggap tinggi.

Tingkat perbelanjaan golongan berpendapatan rendah yang digunakan kononnya adalah berdasarkan penyiasatan perbelanjaan isi rumah tahun 1973, kira-kira sebelas tahun lamanya. Ini tidaklah memadai sama sekali.

Setiap rakyat Malaysia berhak meragukan angka-angka kemiskinan Kerajaan atas dasar bahawa tidak ada pengetahuan langsung tentang cara-cara penyiasatan di sebalik angka-angka kemiskinan. Jika angka-angka yang dinyatakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat adalah benar, maka rancangan pembasmian kemiskinan Malaysia adalah yang paling berjaya di dunia iaitu dari 49% bagi tahun 1970 kepada 29% bagi tahun 1980. Adakah ini benar?

Kelemahan Kerajaan di dalam proses pemindahan maklumat atau angka-angka yang sebenar mengenai sesuatu kajian seperti kemiskinan kepada rakyat adalah jelas. Saya berharap kelemahan ini dapat diperbaiki.

Pernah dicadangkan bahawa Kerajaan patut menggunakan beberapa garis kemiskinan untuk membezakan antara taraf-tarafnya yang berlainan kerana garisan yang tunggal tidak dapat membezakan di antara yang miskin dan yang terlalu miskin.

Beberapa garisan yang berlainan pasti dapat membezakan darjah-darjah kemiskinan yang relatif. Dalam tahun 1978, kononnya Unit Perancang Ekonomi (EPU) telah menurunkan garis kemiskinan ke bawah dari \$33 kepada \$29 per kapita pada harga-harga tahun 1970. Di bawahnya, 43% daripada penduduk-penduduk telah didapati miskin dalam tahun 1975 dan 38% dalam tahun 1976.

Memandangkan betapa pentingnya masalah ini, suatu badan yang khas serta bebas mesti didirikan untuk mengkaji serta mengesan bidang-bidang masalah kemiskinan semasa. Setakat ini, masih tiada suatu badan sedemikian. Pada masa yang sama Kerajaan juga mesti berani mengeluarkan angka-angka sebenar yang didapati oleh badan ini.

Kajian Separuh Penggal ini telah hanya menyatakan bahawa matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru telah dirangka berasaskan suasana ekonomi yang lebih cerah iaitu kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 8% setahun. Tetapi tidak menyatakan kesan-kesannya atas rancangan pembasmian kemiskinan.

Telah dianggarkan bahawa walaupun kita mencatatkan pertumbuhan ekonomi 5-6%, sepertimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat, bilangan keluarga yang miskin akan

meningkat dua kali lebih daripada yang dijangka menjelang tahun 1990 iaitu dianggarkan sebanyak 19.7%.

Saya mendapati bahawa kerajaan telah mencadangkan 10 penyesuaian kepada strategi Dasar Ekonomi Baru iaitu:

- (1) Meningkatkan keluaran dan membanyakkan peluang pekerjaan dalam sektor moden di bandar dan di luar bandar.
- (2) Meningkatkan pendapatan dan daya pengeluaran di sektor pertanian.
- (3) Mengurangkan pemberian subsidi untuk memupuk sikap berdikari.
- (4) Meningkatkan peranan sektor swasta.
- (5) Memulakan proses pembandaran kawasan luar bandar menerusi pengumpulan semula kampung-kampung.
- (6) Sistem perkebunan besar-besaran melalui koperatif termasuk pengurusan cara estet.
- (7) Penekanan atas pertanian bercorak perniagaan dan bukan pertanian cara diri.
- (8) Penekanan kepada corak penghijrahan, pembangunan wilayah dan perancangan pembangunan kampung-kampung.
- (9) Penekanan atas kegiatan selepas pengeluaran dan ekonomi sampingan untuk menambah pendapatan isi rumah luar bandar dan mempelbagaikan sumber pendapatan.
- (10) Yang terpenting, perubahan lebih pesat dalam nilai-nilai hidup di kalangan pekebun-pekebun jika mereka ingin meningkatkan pendapatan, seperti meninggalkannya jenis-jenis

pekerjaan yang tidak lagi dapat menyediakan peluang-peluang meninggikan pendapatan misalnya perikanan.

Walaupun strategi-strategi ini nampaknya sempurna, sekali lagi kerajaan telah membuat kesilapan membenarkan rancangan-rancangan pembasmian kemiskinan terbenam di bawah rancangan-rancangan pembangunan negara yang lebih luas.

Misalnya perkebunan cara koperatif atau pembasmian pemberian subsidi tidak akan berguna kepada petani kemiskinan kerana mereka tidak mempunyai tanah. Asas masalah kemiskinan masih belum disentuh—kekurangan tanah, kekurangan peluang memperolehi tanah dan saiz tapak tanah yang tidak menguntungkan.

Kajian Separuh Penggal ini menunjukkan bahawa kadar-kadar kemiskinan yang tertinggi adalah dialami oleh sektor-sektor pekebun kecil getah (61.1%), pekerja-pekerja estet (54.6%) dan penanam padi (54.0%).

Di kalangan pekebun-pekebun kecil, misalnya Laporan RISDA telah membuktikan bahawa saiz kebun-kebun yang kecil adalah punca masalah kemiskinan yang utama. Suatu kajian Bank Dunia telah membuktikan bahawa saiz kebun yang minima untuk berada di atas garisan kemiskinan adalah 3 hektar, purata saiz yang dimiliki oleh rumah tangga-rumah tangga miskin adalah 1.79 hektar sahaja.

Penglibatan pekebun-pekebun kecil getah di dalam projek-projek bantuan RISDA juga adalah paling kurang sekali. Misalnya 9 daripada 10 pekebun kecil getah tidak pernah bertindak terhadap apa-apa bantuan melainkan bantuan menanam semula, di antara tahun 1974 dan 1983 hanya 6.9% telah menerima pinjaman baja, sehingga tahun 1977 hanya 3.5% daripada

pekebun-pekebun kecil menjadi ahli-ahli Pusat-pusat Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil.

Mungkinkah konsep mini estet atau penyatuan tanah mengatasi kesemua masalah ini?

Kemungkinan besar tidak, kerana walaupun seseorang pekebun kecil yang menyumbangkan 10 hektar akan selesa serta memperolehi pulangan-pulangan yang lebih baik daripada bahagiannya, si pekebun kecil yang hanya menyumbangkan 1 hektar akan menikmati jumlah pendapatan yang lebih sedikit, tetapi kadar keuntungan yang diperolehi dari 1 hektar itu tidak akan mencukupi untuk menjauhkan dirinya dari kemiskinan.

Daya pengeluaran yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat adalah penting. Ia juga tidak merupakan masalah asas kemiskinan di kalangan petani-petani dan tidak patut merupakan penumpuan rancangan pembasmian kemiskinan. Telah juga dianggarkan bahawa walaupun setiap projek pembangunan di Malaysia berjaya 100% menemui sasaran daya pengeluaran, setengah-setengah daripada petani-petani akan tetap miskin.

Di sini juga letak kelemahan ke sebelas projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu, keutamaannya mestilah diubah daripada matlamat ekonomi meningkatkan daya pengeluaran kepada melebihi peluang-peluang memperolehi tanah.

Penubuhan koperatif-koperatif juga adalah satu cara yang patut diberi keutamaan, tetapi mesti berwaspada bahawa ia tidak diselewengkan seperti pertubuhan-pertubuhan petani yang dikuasai oleh petani-petani yang lebih kaya.

Misalnya di kawasan pertanian MUDA, walaupun 8% daripada petani-petani memperoleh di antara 6 dan 7 ekar tanah, mereka merupakan $\frac{1}{4}$ daripada anggota petubuhan-petubuhan petani dan juga menyerapkan $\frac{1}{3}$ daripada faedah-faedah yang diagihkan.

Yuran keanggotaannya yang kini antara \$30 hingga \$100 berjaya mengecualikan petani-petani miskin yang akan tetap miskin. Pencapaian kadar kemiskinan sebanyak 24.1% menjelang tahun 1985 tetap akan merupakan suatu lagi angka ajaib.

Tuan Yang di-Pertua, semasa menjawab persoalan mengenai kewujudan dasar pertanian yang sedia ada, sejak merdeka di Dewan Rakyat pada 1hb November, 1983, Menteri Pertanian telah menyatakan bahawa ia adalah setakat:

Yang pertama, menambahkan pendapatan dan daya pengeluaran melalui penggunaan teknologi dan amalan pengurusan moden.

Yang kedua, mengeluarkan beberapa banyak bahan-bahan makanan yang strategik untuk keperluan negara.

Yang ketiga, mempelbagaikan jenis tanaman dan kegiatan perusahaan pertanian negara selaras dengan peluang-peluang pasaran dan eksport.

Akan tetapi, Dasar Pertanian Negara yang telah digubalkan baru-baru ini setelah 27 tahun Merdeka, hampir-hampir tidak berbeza daripada dasar yang lama. Matlamat-matlamatnya hanya sekadar meninggikan pendapatan daripada hasil pertanian ke paras yang maksimum serta meninggikan pendapatan dengan meninggikan daya pengeluaran. Selain daripada itu, peranan agensi-agensi pertanian termasuk peranan sektor swasta akan

dikaji semula, kononnya untuk menghapuskan fungsi yang bertindik, mengelakkan pelbagaian kegiatan-kegiatan yang tidak perlu.

Saya ingin mengalu-alukan matlamat yang terakhir ini kerana selain daripada FELDA dan FELCRA sebagai agensi tanah Persekutuan, RISDA juga terlibat di dalam pembangunan tanah baru. Terdapat projek-projek Pertanian Pembangunan Bersepadu di setiap negeri, selain daripada enam agensi dalam agriculture extension dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sembilan agensi dalam pemasaran, dan tidak kurang daripada 10 agensi dalam pemberian pinjaman serta subsidi. Dengan penglibatan yang sedemikian luas, kadar kemiskinan di sektor pertanian masih telah mencatatkan 54.9% dalam tahun 1983, berbanding dengan hanya 45.7% bagi tahun 1980. Juga, peratus isi rumah yang miskin adalah setinggi 69.4%. Keadaan kemiskinan luar bandar sedang menunjukkan trend menaik dan ini adalah sejajar dengan kadar perkembangan sektor ini yang hanya mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.4% dalam tiga tahun kebelakangan ini. Jika tidak dikira minyak kelapa sawit, kadarnya hanya 1.9% sahaja. Ini adalah mengagumkan memandangkan hakikat bahawa sektor pertanian telah menyumbang 23.8% daripada KDNK tahun 1983, dan menampung 37% jumlah guna tenaga tahun 1983.

Dasar Pertanian Negara yang baru ini adalah amat mengecewakan. Ia hanya merupakan pengumpulan rancangan-rancangan yang berselerak dan mengulangi dasar serta matlamat lama dengan lebih intensif. Ia adalah kabur dan telah mengabaikan masalah tanah serta pembasmian kemiskinan yang paling asas. Matlamat-matlamat meninggikan daya pengeluaran dan pendapatan tidak akan berjaya kerana pengalaman-pengalaman Kerajaan di kawasan-kawasan periuk nasi MADA dan KADA menunjukkan bahawa

walaupun daya pengeluaran dapat ditambahkan dua kali ganda, separuh daripada bilangan petani akan tetap miskin. Ini adalah kerana manfaat kenaikan daya pengeluaran akan dinikmati oleh petani-petani yang sudah pun mempunyai tanah. Hakikat ini mesti difahami dan diterima oleh Kerajaan. Juga, suatu laporan Bank Dunia telah membuktikan bahawa selagi saiz tanah milikan adalah kurang daripada satu hektar, petani-petani yang mendudukinya akan tetap miskin, walau beberapa banyak pun teknologi sedia ada yang digunakan. Malangnya 40% daripada petani-petani Malaysia mengerjakan ladang-ladang kurang daripada satu hektar saiznya. Jadi, selagi pola pemilikan dan sewaan tanah tidak diubah, kemiskinan akan menjadi ciri kawalan luar bandar yang paling ketara.

Selain daripada kegagalan menitikberatkan masalah tanah serta kemiskinan dan menggubal dasar yang lama, DPN juga gagal dalam beberapa bidang lain.

Yang pertama, tidak menyatakan viabiliti sektor pertanian berbanding dengan sektor-sektor yang lain.

Yang kedua, tidak menyatakan bagaimana dan oleh siapa kemajuan dasar ini akan dicatatkan, memandangkan tugas tiga Kementerian berhubung dengan tanah adalah didapati bertindih.

Berhubung dengan dorongan yang akan diberikan kepada nelayan-nelayan untuk meninggalkan kawasan-kawasan tradisional, DPN gagal menjangka keperluan-keperluan makanan bilangan penduduk yang kian bertambah serta jenis-jenis pertanian yang patut dimajukan di mana dan oleh siapa. Ia juga tidak mempertimbangkan kaedah-kaedah struktur untuk menentukan harga-harga yang adil serta membasmiikan peranan orang tengah.

Selain daripada kegagalan menyatakan angka sasaran pembasmian kemiskinan atau mengaitkannya kepada Rangka Rancangan Jangka Panjang, DPN gagal menumpukan perhatian kepada hakikat bahawa di samping pertambahan besar di dalam bilangan rumah tangga yang bergantung kepada pertanian, peluang-peluang yang mencukupi bagi peluang-peluang pekerjaan di luar pertanian tidak wujud. Bilangan ladang yang kecil serta tidak ekonomik juga bertambah.

Bukan sahaja tidak wujud tanah baru yang hendak dimajukan yang mencukupi untuk mengurangkan bilangan rumah tangga yang menetap di atas tanah-tanah yang sudah pun diduduki, tetapi semakin menjadi sukar mencari tanah yang belum dimajukan untuk rancangan-rancangan baru.

Yang ketiga, kadar pengwujudan pekerjaan di dalam sektor perindustrian tidak mencukupi untuk membolehkan perpindahan tenaga kerja dari bidang pertanian ke perindustrian.

Yang Keempat, oleh kerana kekurangan peluang mempunyai tanah, pertambahan daya pengeluaran tidak akan meningkatkan pendapatan dengan banyaknya.

Yang Kelima, Kerajaan telah melupakan hakikat bahawa masalah kekurangan gunatenaga yang teruk merupakan antara sebab utama kadar kemiskinan yang tinggi.

Kerajaan mesti menumpukan perhatian yang lebih jauh kepada isu membesarkan saiz ladang-ladang yang kecil serta intensif buruh dan mengubahkan dasar-dasar yang sedia ada. Saya menyokong usaha untuk membasmi tabiat subsidi tetapi ingin menegaskan bahawa subsidi-subsidi yang dikeluarkan mesti ditumpukan kepada kumpulan-kumpulan sasaran yang tepat. Mesti diingatkan bahawa rancangan-rancangan subsidi yang

berlandaskan pemilikan tidak mendatangkan manfaat kepada mereka yang tidak memiliki apa-apa tanah atau kelengkapan. Ini bermakna bahawa golongan yang miskin tidak memperolehinya. Dari tahun 1980 hingga 1983 sebanyak \$1,124 juta telah dikeluarkan dalam bentuk subsidi termasuk \$525 juta ke atas skim bantuan harga padi. Skim-skim subsidi mesti dilaksanakan dengan betul terutama sekali berhubung dengan agihan serta birokrasi yang melaksanakannya. Tanpa kawalan yang rapi skim-skim ini akan terdedah kepada penyalahgunaan dan cenderung diselewengkan. Terdengar banyak dakwaan-dakwaan bahawa ketua-ketua kampung dan ahli-ahli politik pernah mengeluarkannya kepada penyokong-penyokong, ahli-ahli keluarga dan sahabat karib mereka. Bukan itu sahaja, pemberian subsidi-subsidi seperti subsidi baja misalnya mestilah disempurnakan supaya ia tidak dikeluarkan pada masa yang salah dan kemudiannya dijual pula oleh petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian matlamat-matlamat DEB bergantung kepada sasaran kadar pertumbuhan bagi sektor pembuatan atau sektor perkilangan sebanyak 13% setahun serta pengwujudan hampir 2.1 juta pekerjaan baru di dalam sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan. Rancangan Malaysia Keempat pula menetapkan bahawa sektor ini dijangka bertumbuh pada kadar 11% setahun iaitu dari \$5,374 ribu juta bagi tahun 1980 kepada \$9.04 ribu juta bagi tahun 1985. Sumbangan sektor ini kepada KNK pula dijangka bertambah iaitu dari 20.5% bagi tahun 1980 kepada 23.9% bagi tahun 1985.

Penelitian sekali gus kadar-kadar pertumbuhan sektor pembuatan, iaitu sektor utama bagi DEB, menunjukkan kadar pertumbuhan sasaran DEB tidak tercapai, misalnya sejak tahun 1978 kadar ini tidak mencapai kadar 10% pun. Cuma 9.0% sahaja.

| <i>Tahun-tahun</i> | <i>Kadar Pertumbuhan Sektor Pembuatan (%)</i> |
|--------------------|---|
| 1971 | 9.9 |
| 1972 | 12.1 |
| 1973 | 18.3 |
| 1974 | 14.2 |
| 1975 | 1.0 |
| 1976 | 18.0 |
| 1977 | 10.6 |
| 1978 | 9.2 |
| 1979 | 9.5 |
| 1980 | 9.0 |
| 1981 | 4.9 |
| 1982 | 3.6 |
| 1983 | 7.4 |
| 1984 | 8.0 |

(anggaran sahaja)

Hakikatnya ialah ketidakcapaian kadar pertumbuhan 13% setahun ini akan menjejaskan matlamat-matlamat pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat, iaitu matlamat-matlamat DEB.

Pengwujudan 2.1 juta pekerjaan baharu atau hampir 90% jumlah pekerjaan baharu bagi sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan seperti yang diramalkan oleh Rangka Rancangan Jangka Panjang juga turut terjejas. Misalnya, jumlah pekerjaan baharu yang diwujudkan antara tahun-tahun 1970-1984 adalah 1.6 juta sahaja. Ini bermakna hampir 452,000 pekerjaan baharu mesti diwujudkan dalam jangka 6 tahun. Akan tetapi dengan pemuliharaan kemelesetan ekonomi dunia yang semakin kurang pasti, kadar pertumbuhan sektor pembuatan yang kian menurun, kadar pengangguran yang meningkat serta kadar pengwujudan pekerjaan yang kian menurun akan mempengaruhi matlamat ini.

Harus ditegaskan juga bahawa industri elektronik yang intensif buruh sahaja menyumbangkan \$3,000 juta eksport negara ini dalam tahun 1982—lebih kurang separuh nilai eksport barangan pembuatan di Malaysia. Menjelang tahun 1981, terdapat 97 buah kilang elektronik di seluruh Semenanjung Malaysia, menggaji lebih daripada 68,000 orang pekerja serta membayar gaji sebanyak \$333 juta. Akan tetapi dengan penghabisan kedudukan perintis mereka, beberapa buah firma elektronik telah memberi tahu Kerajaan secara terus terang bahawa mereka akan berpindah ke negara-negara lain sekiranya Kerajaan membenarkan penubuhan kesatuan-kesatuan sekerja yang bergabung dalam industri ini. Mereka yang akan rugi dari langkah ini adalah pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelaburan pula, petunjuk-petunjuk sektor pembuatan adalah pelaburan yang diluluskan oleh FIDA (Federal Industrial Development Authority) dan import barangan modal bagi sektor ini. Semenjak 1974, trend menunjukkan pelaburan bagi sektor ini kian menurun. Pada dasarnya menurut petunjuk-petunjuk ini, pelaburan bagi sektor ini telah jatuh dari kadar 4.5% KDNK 1970-74 kepada lebih kurang 3% menjelang 1976. Oleh kerana sektor ini telah bertumbuh dengan lebih pesat daripada KDNK dalam tahun-tahun 1970-76, kejatuhan dalam pelaburan bagi sektor ini berbanding dengan pengeluaran sektor ini adalah lebih besar. Pelaburan bagi sektor ini jatuh dan hampir 30% nilai ditambah pada tahun 1971-74 kepada kurang daripada 18% dalam tahun 1976. Kadar pertumbuhan pelaburan swasta bagi sektor pembuatan untuk dekad lapan puluhan juga telah jatuh iaitu kepada (tolak) -2.7% antara 1982 pada tahun 1982 dan tahun 1983 petunjuk-petunjuk pelaburan swasta.

Pelbagai sebab telah diberikan untuk menjelaskan kejatuhan pelaburan bagi

sektor ini, misalnya ketidakpastian ekoran dari penglulusan Akta Penyelarasan Perindustrian dan Akta Pembangunan Petroleum 1975 serta kemelesetan ekonomi dunia. Walau apa sebab-sebab kejatuhan pelaburan ini, adalah nyata bahawa pelaburan bagi sektor ini mesti dipulihkan sekiranya kadar pertumbuhan 13% hendak dicapai, iaitu pelaburan mesti dipulihkan kepada sekurang-kurang 5% daripada KDNK. Suasana untuk menggalakkan pelaburan swasta mesti diadakan. Pertama, dengan melanjutkan kedudukan antarabangsa saingan Malaysia yang baik dalam pasaran dalam dan luar negeri. Sektor pembuatan di Malaysia mengalami kadar pertukaran yang sangat bergantung kepada eksport sumber-sumber asli seperti getah, bijih timah dan petroleum. Eksport sumber-sumber asli ini boleh mengakibatkan tekanan ke atas kadar pertukaran yang tidak begitu berfaedah untuk eksport barangan lain seperti eksport barangan pembuatan. Akan tetapi sejak awal dekad lapan puluhan, bukan sahaja harga sumber-sumber asli telah jatuh malah eksport barangan pembuatan pun telah jatuh.

Kedua, keyakinan perdagangan oleh pihak-pihak asing untuk melabur di Malaysia mesti dipertingkatkan. Kerajaan mesti menghapuskan unsur perkauman dari DEB kerana kebanyakan pelabur adalah orang bukan Melayu. Usaha-usaha untuk memaksa kepesatan pencapaian matlamat penyusunan semula masyarakat boleh mengakibatkan penanaman pelaburan yang semakin berkurangan oleh orang bukan Melayu serta pertumbuhan yang lebih perlahan. Skandal-skandal BMF dan KLCE pula tidak akan menguntungkan ekonomi Malaysia. Krisis keyakinan mempunyai kesan-kesan jangka panjang terutamanya ke atas penanaman pelaburan di negara ini. Pihak Kerajaan terutamanya mesti mempertingkatkan ketidakperian bertanggungjawabkan untuk mengelakkan dari berulangunya skandal-skandal tersebut yang menyebabkan aliran

beribu-ribu juta ringgit ke luar negeri tanpa apa-apa faedah-faedah kepada Malaysia.

Ketidakcapaian matlamat-matlamat DEB dan Rancangan Malaysia Keempat setakat ini telah memaksa pihak Kerajaan mengubah strategi perindustrian mereka. Dan apa yang dicatatkan, yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai pelan induk perindustrian saya berharap pelan ini akan mengandungi faktor-faktor yang saya sebutkan tadi mengenai sektor pembuatan.

Kelemahan-kelemahan dalam sistem galakan bagi meningkatkan pembangunan sektor pembuatan yang sedia ada sebenarnya telah lama disarankan oleh kami. Pertama, bagi perlindungan yang berkesan, dasar penentuan takrif masa depan harus membenarkan kadar-kadar berkesan di antara 20% dan 50% yang bukan sahaja ditumpukan kepada pelaburan-pelaburan baharu tetapi juga industri-industri yang sedia ada. Pengurangan untuk kadar perlindungan berkesan yang lebih daripada 50% bagi industri-industri tertentu mesti dilaksanakan. Industri-industri berorientasikan eksport pula akan menerima perlindungan sederhana, mungkin di bahagian bawah lingkungan 20%-50% ini. Sementara itu bagi pencapaian matlamat-matlamat penyebaran industri ke kawasan-kawasan tertentu, pengwujudan pekerjaan dan pemindahan teknologi pula adalah disimpulkan bahawa galakan fiskal akan lebih berkesan dari perlindungan tarif.

Cadangan-cadangan yang lain ialah perlindungan tarif dipertimbangkan pada ketika penglulusan sesuatu projek dilaksanakan, kesan-kesan gabungan galakan-galakan tarif dan fiskal diambil kira serta laporan yang lazim oleh firma-firma yang menerima perlindungan juga patut dikuatkuasakan. Pihak Kerajaan juga mesti

memberi perhatian yang lebih ke atas perlindungan berhubung dengan eksport barangan utama yang diproses. Sektor eksport yang secara bandingan lebih cekap serta sektor penggantian import yang secara bandingan kurang cekap mesti digalakkan bersaing dengan perubahan pilihan dalam dasar berhubung dengan Zon Perindustrian Bebas yang kini dibenarkan menawarkan kepada pasaran dalam negeri dari kuota yang kecil dan selepas bayaran duti. Persaingan ini boleh diadakan dengan penghapusan ataupun peningkatan kuota ini atau oleh keutamaan-keutamaan tarif.

Kedua, antara cadangan untuk pembaharuan galakan cukai adalah penggantian lingkungan galakan-galakan pelaburan dengan suatu galakan yang menggabungkan elaun cukai sebanyak 50% nilai pelaburan, di mana kurang daripada 20% boleh diambil dalam satu tahun serta suatu lagi elaun cukai bagi \$500 untuk setiap pekerja selama 5 tahun pertama operasinya. Adalah diharapkan juga pembaharuan sistem galakan ini akan mengikuti pendekatan, dengan izin, "case-by-case".

Dalam hal dasar-dasar menyusun semula pekerjaan dan pemilikan bagi sektor pembuatan, pihak Kerajaan harus berwaspada juga. Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 telah menimbulkan kesangsian di kalangan bakal pelabur asing dan bukan Melayu. Akta ini memerlukan industri-industri besar dan sederhana mendapatkan lesen untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pengeluaran mereka. Akan tetapi kriteria untuk mendapatkan lesen dan syarat-syarat yang akan dikenakan bila lesen ini diberikan tidak dinyatakan. Walau bagaimanapun beberapa kenyataan-kenyataan Kerajaan telah memberikan beberapa syarat: penempatan rancangan-rancangan pasaran, struktur ekuiti, struktur pekerjaan, penggunaan perkhidmatan profesional tempatan. Akta ini

sebenarnya telah mengakibatkan kesangsian dalam perancangan perniagaan sehingga menyebabkan kejatuhan pelaburan dalam sektor pembuatan pada akhir dekad tujuh puluhan. Ini adalah contoh baik untuk menjelaskan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "a disincentive against which all forms of incentive appear unattractive". Pendekatan yang lebih pragmatik dalam pelaksanaan Akta ini adalah amat diharapkan. Pihak Kerajaan juga patut memberi lebih perhatian kepada dua isu utama dalam pelaksanaan DEB berhubung dengan sektor pembuatan.

Pertama, perihal penyerahan harta yang dikumpulkan oleh pelbagai badan awam dan badan berkanun kepada individu Melayu. Akan tetapi perbadanan-perbadanan awam seperti institusi yang lain, bercenderung menjadi golongan-golongan kepentingan yang berusaha terhadap perlanjutan mereka sendiri. Kepentingan kewangan pihak Kerajaan akan menyebabkan Kerajaan berat sebelah terhadap perbadanan-perbadanan yang menguntungkan dan memulangkan hanya perbadanan-perbadanan yang merugikan. Syarat-syarat penyerahan harta ini juga dipertikaikan kerana bayaran nilai pasaran penuh untuk harta-harta ini bermakna mereka yang miskin tidak akan memperoleh harta-harta ini.

Kedua, ialah perihal ekonomi politik perbadanan-perbadanan awam ini. Perniagaan-perniagaan ini kebanyakannya diurus oleh ahli-ahli elit Melayu yang biasanya terdiri dari bekas kakitangan Kerajaan dan kaum kerabat Diraja. Mereka mempunyai otonomi yang luas untuk menjalankan perniagaan-perniagaan ini serta peluang-peluang mendapatkan keuntungan. Keadaan ini terbuka kepada rasuah besar-besaran. Lagipun kekayaan ini boleh digunakan untuk "membeli" pengikut-pengikut politik serta bahaya dasar ini akan membenarkan penubuhan empayar industri

yang sangat besar yang akhirnya tidak terkawal oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, strategi gantian import peringkat kedua yang dipilih akan meliputi barang-barang baru yang menggunakan lebih banyak barang modal dan teknologi yang tinggi. Dari segi teknologi, prospek pemindahan teknologi kurang memuaskan. Pihak Kerajaan baru-baru ini saja menyedari bahawa kurang terdapat pemindahan teknologi yang bermakna kepada orang-orang tempatan. Malah tiada apa-apa rantaian diperkembangkan dengan industri-industri tambahan tempatan untuk membantu dalam membangunkan sektor pembuatan secara keseluruhan. Suatu kajian MIDA telah mendapati bahawa cuma 7% bahagian komponen-komponen tempatan digunakan dalam barangan elektronik yang dikeluarkan oleh firma-firma asing.

Walaupun \$3.1 ribu juta barangan dieksport dalam tahun 1982, hampir \$2.5 ribu juta komponen elektronik telah diimport dalam tahun yang sama—lebih kurang 80% jumlah nilai barangan yang dieksport. Sistem galakan juga mesti menentukan Kerajaan tidak ditipu helah oleh firma-firma asing ini yang sebenarnya tidak berhasrat memindahkan teknologi tetapi untuk mendapatkan guna tenaga yang murah. Harapan-harapan melangit berhubung dengan pemindahan teknologi mesti dikurangkan. Kerajaan mesti menentukan bahawa terdapat jaminan-jaminan tertulis untuk penyertaan usahasama dengan orang-orang tempatan, melatih kakitangan tempatan serta perkembangan jabatan-jabatan penyelidikan dan pembangunan semasa menggalakkan firma pembuatan asing.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi pertahanan dan keselamatan dalam negeri telah menurun 23% daripada perbelanjaan Kerajaan bagi tahun 1981 kepada 17.1% dalam tahun 1983, iaitu

\$5,124,000 bagi tahun 1981 kepada \$4,840,000 bagi tahun 1983. Langkah ini dialu-alukan, akan tetapi peruntukan bagi pertahanan adalah 23.8% peruntukan Rancangan Malaysia Keempat manakala pelajaran hanya merupakan 7.6% daripada peruntukan itu. Oleh sebab ini ramai murid terpaksa menggunakan kerusi dan meja yang telah patah dan rosak. Sementara itu pihak Kerajaan membeli kelengkapan-kelengkapan tentera yang sophisticated seperti kereta kebal Scorpion dan jet-jet pejuang A-4 Skyhawk.

Adalah amat menarik juga jika kita teliti bahawa sektor pertanian dan pembangunan hanya mendapat 21.3% peruntukan Rancangan Malaysia Keempat berbanding dengan 23.8% untuk pertahanan. Kadar kemiskinan yang mengikut Unit Penyelidikan Sosio-ekonomi Jabatan Perdana Menteri berjumlah 42.8% dan 30.3% menurut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat masih adalah amat tinggi; malah sebenarnya sedang meningkat. Oleh itu persoalan yang bangkit ialah siapakah musuh sebenar negara kita. Memang kami terpaksa mempunyai tentera yang bermutu tinggi sejajar dengan keselamatan negara. Pada hemat saya, jurang perbezaan pendapatan yang kian meningkat antara golongan berada dan tidak beradalah yang akan mengancam keselamatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan untuk pertahanan, perbelanjaan mengurus dan anggaran pembangunan, peratus jumlahnya adalah seperti berikut:

| Tahun | Peratus | Jumlah |
|-------|---------|--------|
| 1971 | | 24.5 |
| 1972 | | 21.7 |
| 1973 | | 21.8 |
| 1974 | | 20.4 |
| 1975 | | 20.4 |

| Tahun | Peratus | Jumlah |
|-------|---------|--------|
| 1976 | | 21.0 |
| 1980 | | 20.4 |
| 1981 | | 23.0 |
| 1982 | | 18.3 |
| 1983 | | 17.1 |
| 1984 | | 16.4 |

Walaupun angka yang menunjukkan peratus jumlahnya telah turun sedikit tetapi ini belum memadai.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Panjang lagi Yang Berhormat? Yang Berhormat telah bercakap lebih kurang 1 jam 15 minit.

Dr Tan Seng Giaw: Ada panjang lagi.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Panjang lagikah? Agak-agak berapa minitkah?

Dr Tan Seng Giaw: Tidak tahulah, mungkin setengah jam, saya cepatkanlah.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya bagi lagi 20 minit.

Dr Tan Seng Giaw: Saya akan mempercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Rancangan Malaysia Keempat kita lihatkan perbelanjaan pembangunan awam bagi 1981 hingga 1985, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar cuma jumlah peratusan 21.3%; Tenaga dan Kemudahan-kemudahan Awam 8.2%; Pelajaran dan Latihan 7.6%; Kesihatan 1.5%; Perumahan 3.7% berbanding dengan Pertahanan 23.8%. Perbelanjaan Pertahanan Malaysia antara tahun-tahun 1972-1981 telah bertumbuh dengan lebih pesat dari negara-negara jiran ASEAN yang lain. Misalnya perbelanjaan pertahanan dalam tahun 1981 adalah 193% lebih tinggi dari

tahun 1972, berbanding dengan 50% untuk Indonesia, 147% bagi Filipina; 45% bagi Singapura dan 84% bagi Thailand.

Perbelanjaan pertahanan Malaysia sebagai bahagian KDNK adalah kedua tertinggi dalam ASEAN iaitu selepas Singapura. Ini adalah amat aneh kerana ketiga-tiga kerajaan ASEAN yang lain semasa jangka kajian ini adalah Kerajaan Tentera, iaitu Indonesia sejak 1966, Thailand sebelum Oktober 1973 dan selepas Oktober 1976 dan Thailand semasa zaman Undang-undang Tentera, 1972-1981.

Seperti juga dengan aspek-aspek kehidupan lain di Malaysia, sektor pertahanan negara kita juga diselaputi dengan unsur perkauman. Setakat ini, tiada sebarang usaha-usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Kalau ada pun tidak diperlihatkan.

Tuan Yang di-Pertua, pengajian keperluan pertahanan dan keselamatan di negara ini hendaklah dibuat untuk jangka panjang dan jangka pendek. Salah satu fungsi Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa ialah untuk menjalankan pengajian tersebut. Malangnya setakat ini dengan ketidakcekapan Kerajaan 2M keahlian Institut tersebut pun tidak ada kerana belum lagi membuat pelawaan dan pendaftaran ahli-ahlinya dan masih dalam proses menyusun aktiviti-aktivitinya. Ini bermakna Institut ini tidak wujud buat sementara waktu ini; apatah lagi untuk menjalankan tugas tersebut.

Pada tempoh hari negara Thailand telah membangkitkan hasratnya untuk membeli jet pejuang F-16 yang termoden dari Amerika Syarikat. Sekiranya negara itu berjaya mendapatkan jet-jet pejuang F-16 tersebut maka terdapat kemungkinan negara kita atau Kerajaan 2M akan membeli jet-jet tersebut. Harga sebuah jet pejuang F-16 adalah sekurang-kurangnya \$30 juta. Oleh itu sekiranya

Thailand berhasrat membeli sistem jet-jet pengebom B-18 yang berharga AS\$5.6 ribu juta peluru-peluru berpandu MX AS\$2 ribu juta, adakah Malaysia juga akan turut membeli kelengkapan-kelengkapan tentera moden ini? Adakah kelengkapan tentera seperti jet pejuang kita F-5E dan A-4 sesuai dengan keperluan pertahanan negara kita dan adakah kelengkapan-kelengkapan tentera ini mencukupi untuk masa 10 tahun dari sekarang? Adakah Malaysia hendak membeli jet pejuang F20 yang ditawarkan oleh Amerika Syarikat? Apakah jenis peperangan yang negara kita akan terlibat, sama ada peperangan terbuka atau peperangan anti-guerilla? Siapakah bakal musuh negara kita? Akhirnya, harus ditegaskan, bahawa peralatan yang moden tidak bermakna, sekiranya angkatan tentera kita tidak mempunyai askar yang berkebolehan dan bermutu serta mempunyai keupayaan mengendalikannya kelengkapan-kelengkapan ini.

Sekiranya Kerajaan ingin membeli F-16 yang berharga lebih daripada M\$80 juta, jumlah wang ini sebenarnya boleh digunakan untuk keperluan asas generasi muda sekarang. Kini terdapat beratus-beratus sekolah di mana setengah-setengah murid-murid masih tiada kerusi dan meja, setiap kerusi mungkin berharga \$10. Oleh itu cuba bayangkan betapa banyak kerusi yang boleh negara kita ini beli dengan jumlah wang M\$80 juta itu. Ini bermakna lebih kurang 8 juta buah kerusi; dan sekiranya harga dua buah jet pejuang F-16 sebenarnya membolehkan pembinaan beberapa buah sekolah. Masalah kekurangan bilik darjah dan bangunan sekolah boleh dikurangkan dengan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya di Malaysia kini, kita mempunyai seorang Perdana Menteri yang merupakan Thomas Malthus baru kerana menyokong Yeori Malthusian yang mendorong perkembangan penduduk yang asli. Kononnya mengikut beliau dalam

perenggan 59, dan tadi di dalam ucapan Yang Amat Berhormat, kita boleh menampung bilangan penduduk seramai 70 juta orang berdasarkan pengalaman beberapa buah negara yang luasnya hampir sama dengan Malaysia bahawa suatu jumlah penduduk yang besar tidak semestinya merupakan bebanan jika penduduk tersebut dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran yang dapat digunakan dengan berkesan. Jadi, "kemahiran-kemahiran yang dapat digunakan dengan berkesan", inilah satu anggapan yang penting. Bolehkah kita capai dengan pertambahan penduduk dengan pesat? Mengapa angka 70 juta ini digunakan atau bagaimana ianya didapati, langsung tidak dinyatakan; mungkin ia jatuh dari langit. Yang pentingnya, walaupun dari segi fizikal negara kita boleh menampung bilangan penduduk yang lebih ramai, dari segi keperluan-keperluan asas, pembangunan ekonomi dan kemiskinan, kita masih belum mengatasi masalah-masalah yang asas. Pernah dinyatakan bahawa salah satu sebab bagi kadar kemiskinan yang tinggi di negara kita adalah kerana kadar kenaikan bilangan penduduk yang terlalu tinggi, purata kira-kira 3% yang tercatat dalam tahun-tahun 1960-an juga dianggap terlalu tinggi.

Kadar kenaikan penduduk di Malaysia kini adalah dianggarkan 2.5% bagi jangka panjang 1981-85. Pada kadar 2.2.% telah dianggarkan bahawa bilangan penduduk negara kita akan berlipat ganda daripada 13.7 juta kepada 27.4 juta dalam masa 50 tahun. Angka 70 juta, akan dicapai jauh selepas abad 2100. Nampaknya rangka rancangan jangka panjang akan menjadi rangka rancangan amat panjang. Akan tetapi, menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 27hb Mac, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak menyebut jangka masa atau tempoh pencapaian jumlah 70 juta ini; kononnya ia hanya merupakan satu cadangan untuk renungan

rakyat sahaja. Kami berpendapat bahawa penekanan harus dialihkan daripada bilangan kepada mutu rakyat, dan usaha untuk meningkatkan mutu kehidupan rakyat miskin terlebih dahulu. Saranan bekas, Pengerusi negara China mendiang Mao Tse-tung bahawa bilangan penduduk yang ramai adalah suatu keuntungan telah menjejaskan ekonomi negara itu dan kini sepasang suami isteri hanya dibenarkan mempunyai seorang anak sahaja. Memandangkan bahawa di Malaysia beban tanggungan di luar bandar adalah kira-kira 54%, kita haruslah berwaspada....

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat, ada Ahli Yang Berhormat minta jalan.

Dr Tan Seng Giaw: Tiada masa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Tidak beri jalan.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak, kalau boleh lanjutkan lagi.....

Tuan Ismail Said: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Kepong masalah kependudukan tadi, tidakkah Yang Berhormat dari Kepong dengar bahawa negara kita ini dapat menampung seramai 70 juta orang penduduk tetapi ada syaratnya. Tidakkah Yang Berhormat dari Kepong dengar tadi ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Saya hendak tanya itu sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya pun ada sebutkan tadi, tetapi dengan masa yang begitu singkat itu tidaklah dapat saya memanjangkan dengan hujah saya mengenainya.

Memandangkan bahawa di Malaysia, beban tanggungan luar bandar adalah kira-kira 84%, kita haruslah berwaspada dengan kadar kenaikan

penduduk. Beban bagi keluarga-keluarga luar bandar untuk menyediakan keperluan-keperluan asas akan semakin besar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa paling kurang "Usul Y.A.B. Perdana Menteri" memberikan suatu matlamat perancangan masa depan. Akan tetapi, matlamat-matlamat ini tidak boleh diperolehi dengan hanya mencabutnya dari langit atau mimpi. Mengikut pakar-pakar kependudukan, apa yang diperlukan adalah untuk mengaitkan pertumbuhan KNK dengan pertumbuhan penduduk tahunan yang dijangkakan secara, dengan izin, geometric progression. Ini akan menghasilkan kadar pertumbuhan KNK sebanyak kira-kira 12% untuk menyerapkan kadar pertumbuhan penduduk sebanyak 4%. Kita mesti bersikap realistik bahawa kadar-kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.2% (1982) dan 5.6% (1983) dan mungkin hingga 6.7% bagi tahun ini tidak sama sekali dapat menampung kadar pertumbuhan penduduk yang lebih daripada 2.2%.

Tuan Yang di-Pertua, dalam zaman kemelesetan yang kini melanda negara kita, bukan sahaja kadar pengangguran kita naik, tetapi kadar kenaikan guna tenaga sedang menurun. Pengangguran telah meningkat dari 5.2% (1982) kepada 6% (1983) dan dianggarkan sebanyak 5.9% (1984). Pada masa yang sama, kadar pertumbuhan gunatenaga dalam tempoh 1981-1983 telah menurun dari 2.9% kepada tenaga buruh dalam tahun 1982 tidak dapat diserapkan. Kadar pengangguran khususnya di sektor perlombongan dan pembuatan mesti diberikan perhatian khusus kerana kedua-dua sektor ini adalah paling penting bagi kemajuan DEB. Malangnya, bilangan kerja yang paling besar telah berlaku di dalam sektor perkhidmatan awam. Ini adalah tidak sihat kerana seperti yang telah saya nyatakan semasa perbahasan atas Titah

Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, birokrasi kita sudah pun begitu tembam. Perbelanjaan ke atasnya mesti dikurangkan.

Suatu masalah yang mesti dialami oleh Kerajaan terutama sekali memandangkan kadar kemiskinan yang terlalu tinggi di sektor pertanian, adalah masalah kekurangan guna tenaga di sektor ini. Gunatenaga yang jauh lebih banyak patut diwujudkan di sektor ini dengan menyediakan peluang-peluang memperolehi tanah bagi kebun-kebun kecil lebih buruh. Kerajaan mesti juga mengawal pengenalan tanaman-tanaman dan teknologi baru untuk menjamin bahawa ia tidak bercanggah dengan pengwujudan guna tenaga.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin sekali lagi menekankan kepentingan perancangan jangka panjang yang menyeluruh ke dalam sistem pendidikan Malaysia dengan mementingkan pandangan serta perancangan yang jauh. Semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1982-1983, saya telah menyatakan kepentingan mengaitkan angka-angka sasaran dalam pendidikan dengan keperluan tenaga manusia, berhubung dengan kekurangan guru-guru, penganugerahan biasiswa dan pengwujudan sistem pendidikan yang lebih adil.

Saya dapati bahawa angka-angka tenaga manusia telah diperolehi daripada Kajian Tenaga Manusia di Malaysia tahun 1973. Kajian ini adalah kira-kira 11 tahun lama, dan perlu dikemaskinikan secepat mungkin. Kononnya, Pelan Induk pembangunan Gunatenaga Nasional telah dibentangkan untuk kajian Kabinet pada pertengahan tahun lepas, tetapi sehingga kini, kita masih tidak mengetahui butir-butirnya dengan mendalam. Mengikut sumber-sumber tertentu, Pelan Induk ini sebenarnya telah menunjukkan bahawa kekurangan tenaga manusia yang

paling mendesak akan dirasai di bidang pengurusan, diikuti pula dengan golongan guru sekolah rendah dan menengah seramai 9,200 orang. Pelan Induk ini mesti diumumkan kepada orang ramai kerana ia pasti mengandungi maklumat-maklumat yang bernas untuk menjamin bahawa hasil sistem pendidikan negara kita dapat memperolehi kerja.

Berhubung dengan rancangan tenaga manusia, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Jadual 4-14 Kajian Separuh Penggal RME yang jelas menunjukkan bahaya-bahaya meletakkan keutamaan di tempat yang salah. Kelebihan graduan dalam jangka 1981-1985 adalah dijangka tertinggi sekali di bidang Sastera dan Kemanusiaan, seramai 5,044 orang walhal kekurangan di bidang teknik adalah tertinggi 6,866 orang. Setakat ini Kementerian Pelajaran juga tidak mampu menyatakan kadar pengangguran di kalangan para graduan kita, walhal pengalaman pekerjaan mereka makin hari makin sukar. Kerajaan mesti mengawal dan mengetahui bidang-bidang yang dimasuki oleh para graduan, terutama sekali memandangkan negara kita kini mempunyai 6 buah.

Di sini, saya ingin menegaskan lagi keperluan menganugerahan biasiswa-biasiswa mestilah bersifat lebih adil kerana kini, rumahtangga-rumahtangga yang miskin hanya memperolehi 12.3% daripada biasiswa-biasiswa berbanding dengan keluarga-keluarga terkaya yang mempunyai 25.5% biasiswa-biasiswa. Angka-angka yang telah diperolehi daripada satu kajian dari Universiti Malaya juga menunjukkan bahawa bagi seorang pelajar Melayu yang miskin memperolehi biasiswa, wujud 21 peluang bagi pelajar-pelajar Melayu yang kaya, berikutan dengan 13 serta 10 peluang masing-masing bagi pelajar-pelajar Cina dan India yang kaya. Ketidakadilan ini mesti diubah secepat mungkin.

Satu bidang lagi yang penting yang memerlukan lebih perhatian daripada Kementerian Pelajaran sama ada dari segi jangka pendek atau jangka panjang, adalah pendidikan sekolah rendah terutamanya dengan pelaksanaan KBSR. Dengan ini, masalah-masalah yang wujud di sekolah-sekolah rendah ketiga-tiga aliran telah menjadi lebih rumit. Kekurangan bilik darjah tetap merupakan suatu masalah kerana sasaran Rancangan Malaysia Keempat tidak tercapai—sekolah-sekolah rendah hanya 6,800 daripada sasaran 8,000 telah dibina walhal bagi sekolah-sekolah menengah pula ia merupakan 3,200 bilik darjah sasaran 4,000.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kadar kematian bayi dikatakan berkurangan daripada 24.9 bagi tiap-tiap seribu orang dalam tahun 1980 kepada 21.1 dalam tahun 1983, kadar kematian bayi natal awal (early natal) antara tahun-tahun 1975-1980 hanya 18.2%. Ini hanya menunjukkan “antenatal” dan “prenatal care” amat kurang memuaskan. Penelitian yang lebih rapi akan menunjukkan bahawa kadar kematian 12.6 bagi tiap-tiap seribu orang daripada jumlah 24.9 bagi tiap-tiap seribu orang di Semenanjung Malaysia dalam tahun 1980 adalah kematian yang berlaku pada masa natal awal.

Perangkaan ini menjadi lebih nyata sekiranya kita meneliti peraturan kandungan kematian bayi di Semenanjung Malaysia. Antara tahun 1955 dan 1980 peraturan kadar kematian bayi natal awal sebenarnya telah meningkat dari 20.7% bagi tahun 1955 kepada 50.6% tahun 1980 iaitu lebih dua kali ganda kadar tahun 1955.....

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat, seminit lagi.

Dr Tan Seng Giaw:77.1% daripada kadar kematian natal awal dalam tahun 1971 adalah dari kawasan

luar bandar hanya 22.9% adalah dari kawasan bandar. Secara am kemudahan-kemudahan kesihatan dan dengan tentunya kemudahan-kemudahan kesihatan kanak-kanak serta bayi-bayi terlalu berat sebelah menguntungkan kawasan bandar.

Memandangkan 70% jumlah kelahiran adalah di kawasan luar bandar mutu ante-natal dan pre-natal care kawasan luar bandar mesti dipertingkatkan. Seterusnya perkhidmatan sektor awam patut diagihkan dengan lebih adil. Kerana tidak ada lagi, masa Tuan Yang di-Pertua, saya akan singkatkan.

Kerajaan mestilah menitikberatkan kekurangan kemudahan-kemudahan, kemalangan perusahaan yang makin meningkat, pembangunan, hospital dan masalah kekurangan pegawai perubatan serta pakar perubatan secara khusus dan perkhidmatan kesihatan secara amnya.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Masa sudah cukup.

Dr Tan Seng Giaw: Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Lambir.

6.12 ptg.

Dr George Chan Hong Nam (Lambir): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyertai lain-lain Ahli Yang Berhormat untuk membahaskan beberapa perkara yang sedang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini berhubung dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan memanglah satu perkara yang amat penting dalam mana-mana sebuah negara, sesiapa pun tidak boleh menafikan bahawa Rancangan Malaysia Keempat adalah satu rancangan yang amat penting bagi pembangunan negara

kita. Jadi sesiapa pun juga tidak boleh menafikan bahawa Rancangan Malaysia Keempat akan menentukan arah kemajuan negara kita sama ada rancangan tersebut telah pun dijalankan dengan jayanya atau separuh jayanya atau sebaliknya hanya dapat dipastikan jika kita membuat satu penilaian dan kajian semula dengan teliti, hanya dengan adanya penilaian prestasi sedemikian barulah kita dapat mengetahui ke arah ataupun sampai manakah berasasnya pencapaian kita dalam usaha memecahkan rancangan tersebut ataupun apakah kelemahan-kelemahannya ataupun di manakah kita gagal.

Saya perhatikan di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat ini bahawa aliran kadar kemiskinan telah berkurangan di negeri Sarawak iaitu daripada 66.5% dalam tahun 1976 kepada 47.7% dalam tahun 1979 dan 31.3% dalam tahun 1982.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan di atas kejayaannya ini. Saya juga perhatikan bahawa kadar kemiskinan di kawasan bandar di Sarawak telah turun daripada 22.8% dalam tahun 1976 kepada hanya 8.8% dalam tahun 1982, demikian juga di kawasan luar bandar di mana kadar kemiskinan telah turun daripada 64.4% dalam tahun 1976 kepada 39.3% dalam tahun 1982. Walaupun angka-angka ini menunjukkan satu arah aliran yang baik iaitu menunjukkan berkurangnya kadar kemiskinan di negeri Sarawak bagi penduduk-penduduk di luar bandar kita tidak boleh bersikap puas hati dengan diri kita, dengan izin, complacent, tetapi hendaklah berusaha lagi untuk mengurangkan lagi kadar kemiskinan di luar bandar bagi negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan apa yang saya sebutkan tadi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh tentang beberapa

rancangan pembangunan yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat terutamanya berhubung dengan jalan raya, pelajaran dan perubatan.

Terlebih dahulu saya ingin merujuk kepada peruntukan-peruntukan untuk jalan raya, bekalan air, jentera dan kelengkapan dan pembangunan lapangan terbang. Di bawah peruntukan bagi memperbaiki lain-lain jalan besar di Sarawak jumlahnya bagi tempoh 1981 hingga 1985 ialah \$59,155,754 sahaja. Jumlah perbelanjaan di bawah peruntukan tersebut bagi tempoh tahun 1981 sehingga 1983 ialah kira-kira lebih \$20 juta. Pada tahun ini hanya \$1 juta diperuntukan, jadi jumlah perbelanjaan bagi 4 tahun iaitu dari tahun 1981 hingga 1984 ialah kira-kira \$25 juta sahaja, kurang daripada separuh yang diperuntukan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum dan pernah juga saya membentangkan dalam Dewan yang mulia ini tahun lepas bahawa masalah perhubungan jalan raya masih menjadi satu masalah besar di negeri Sarawak. Jalan raya besar yang menghubungkan bandar Kuching dan Miri panjangnya kira-kira lebih 1,200 kilometer. Setakat ini terdapat kira-kira lebih 8,000 kilometer jalan raya besar tersebut yang masih belum ditarkan iaitu jalan yang ditembok dengan batu-batu kasar sahaja, kenderaan-kenderaan biasa memang sukar dan kadang-kadang tidak dapat langsung hendak menggunakannya terutama sekali di musim hujan, jalan raya besar tersebut adalah dipanggil, dengan izin, the first trunk road system which forms the spinal road of the State-wide road net work. Ia adalah sebuah jalan raya yang paling penting di negeri Sarawak, ia bukan hanya boleh memudahkan penduduk-penduduk mengembara dari Kuching ke Miri, tetapi juga akan membolehkan pelbagai rancangan pembangunan pertanian yang terletak di tepi jalan tersebut dilaksanakan.

Kerajaan Negeri telah pun merancangkan untuk membuka sekurang-kurangnya 40,000 hektar tanah di antara Mukah dan Miri untuk pembangunan pertanian secara besar-besaran apabila jalan raya tersebut telah siap dibina nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidaklah payah saya menjelaskan dengan lebih lanjut lagi betapa penting jalan raya tersebut, tetapi adalah sangat dukacita apabila saya menganalisis Anggaran Perbelanjaan Persekutuan tahun 1984 berhubung dengan peruntukan-peruntukan bagi jalan raya dan jambatan untuk negeri Sarawak.

Di bawah peruntukan untuk memperbaiki jalan raya besar terdapat hanya \$1 juta bagi tahun ini. Peruntukan ini amatlah kecil sekali jika dibandingkan dengan jumlah kos yang dikehendaki untuk mengtar jalan raya besar sepanjang lebih 800 kilometer yang saya sebutkan tadi.

Mengikut anggaran yang dibuat oleh pihak yang berkenaan kira-kira lebih \$200 juta dikehendaki untuk mengtar jalan raya besar tersebut. Jadi jika peruntukan tersebut tidak ditambahkan dengan hanya \$1 juta sahaja diberi setiap tahun bagi maksud tersebut, maka yang akan diambil untuk mengtar seluruh 800 kilometer jalan raya besar tersebut adalah lebih 200 tahun—cubalah gambarkan apakah reaksi dan perasaan penduduk-penduduk di negeri Sarawak jikalau kerja mengtar jalan raya besar pertamanya dari Kuching ke Miri akan mengambil masa selama 200 tahun. Tentulah penduduk-penduduk tidak akan bersabar untuk menunggu 200 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan begitu pentingkan jalan raya tersebut, saya ingin merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk menambahkan peruntukan bagi mengtar seluruhnya supaya ia boleh disiapkan dalam tempoh 5 tahun, bukan

200 tahun. Ia haruslah dijadikan sebagai sebuah lebuh raya yang sama standardnya dengan Lebuh raya Timur-Barat (East West Highway) di Semenanjung Malaysia. Saya berharap keutamaannya akan diberi untuk mengtar jalan raya Miri-Bintulu terlebih dahulu. Jalan raya tersebut telah siap dibina pada tahun 1974 dan hingga sekarang kira-kira hanya 45 km sahaja yang telah ditarkan dan lebih 160 km masih jalan batu-batu kasar. Ini adalah sebuah jalan raya yang amat penting yang menghubungkan Bandar Miri dan Bintulu. Jika seluruh jalan raya tersebut dapat ditarkan, maka Bandar Miri dapatlah menikmati kemudahan-kemudahan "deep sea port" di Bintulu. Setakat ini Bandar Miri masih belum ada sebuah pelabuhan tetapi mempunyai sebuah wharf sahaja. Oleh kerana kekurangan kemudahan-kemudahan pelabuhan di Miri, kini ramai peniaga-peniaga di Miri terpaksa mengimport barang-barang dari luar negeri melalui pelabuhan muara di Brunei. Ini adalah salah satu faktor yang menyebabkan kos kehidupan (cost of living) di Bandar Miri meningkat. Sebenarnya, Bandar Miri adalah sebuah bandar yang menghadapi kos kehidupan yang paling tinggi di Malaysia selain daripada Bandar Bintulu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pemberian kepada negeri-negeri untuk jalan di luar bandar, pada tahun ini Negeri Sarawak hanya mendapat \$3.035 juta dari sebanyak \$103 juta. Jadi jumlah yang diperuntukkan bagi Negeri Sarawak hanya merupakan 2.9% sahaja daripada jumlah besar bagi seluruh negara. Apakah alasan-alasan begitu sedikit sahaja pemberiannya kepada Negeri Sarawak memandangkan pembangunan jalan di luar bandar di Sarawak masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia. Mungkin pihak yang berkenaan masih kurang faham tentang masalah-masalah sebenarnya perhubungan jalan raya di negeri tersebut sungguhpun perkara ini kerap kali pernah dikemukakan oleh

rakan-rakan saya dalam Dewan yang mulia ini. Jika pihak yang berkenaan masih kurang faham mengenai masalah tersebut, saya ingin mengesyorkan bahawa mereka harus mengadakan satu lawatan ke negeri tersebut, sekurang-kurangnya satu bulan dan cuba melawat seberapa banyaknya kawasan-kawasan luar bandar yang boleh. Mereka bolehlah menilai dengan sendiri sama ada apa yang saya dan rakan-rakan saya menyatakan berhubung dengan masalah jalan raya adalah benar atau tidak. Pada pandangan saya kebanyakan lawatan yang dibuat oleh pegawai-pegawai di Semenanjung Malaysia adalah sangat superficial iaitu hanya selama 2-3 hari dan tidak pernah "taste the mud and the sun" di Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya cuba menganalisiskan peruntukan-peruntukan yang lain terdapat ada yang amat berkurangan dan ada yang mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk sesuatu projek, tetapi tidak dilaksanakan. Misalnya, peruntukan bagi pembelian jentera dan kelengkapan untuk Jabatan Kerja Raya sebanyak \$15,914,598 telah diperuntukkan tetapi sebanyak lebih \$15.6 juta telah dibelanjakan dan pada tahun ini hanya \$10 diperuntukkan bagi pembinaan lapangan terbang. Saya memperhatikan bahawa hanya \$10 diberi untuk pembangunan lapangan terbang di Limbang, Bintulu, Bario dan Mukah dan hingga hari ini pembinaan baru atau pembinaan semula bagi lapangan-lapangan terbang tersebut masih belum dijalankan walaupun Rancangan Malaysia Keempat telahpun dilancarkan lebih 3 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pembangunan kesihatan di Sarawak, saya juga amat kecewa apabila saya memperhatikan bahawa hanya "a token sum of \$10" diperuntukkan bagi pembinaan hospital-hospital baru di Serian, Saratok, Sibu dan Bintulu dan demikian juga bagi pembinaan Pusat

Kesihatan Daerah di Bau, Betong, Darao dan Julau. Saya merasa lebih kecewa apabila saya melihat bahawa di bawah Rancangan Malaysia Keempat hanya \$100 diperuntukkan bagi pembinaan Pusat-pusat Kesihatan Dearah Betong dan Darao. Apakah \$100 itu cukup untuk membina sebuah pusat kesihatan? Memang tidak, mungkin boleh mendirikan sebatang tiang konkrit sahaja.

Di bawah peruntukan bagi Universiti Pertanian cawangan Sarawak adalah diperhatikan sebanyak \$10 juta telahpun diperuntukkan bagi tahun ini, tetapi mengikut apa yang Menteri Pelajaran mengumumkan baru-baru ini pembinaan UPM cawangan Sarawak di Bintulu akan ditangguhkan oleh kerana kemelesetan ekonomi. Mengapakah apa yang telah diperuntukkan ditarik balik? Setakat ini negara kita mempunyai 6 buah universiti dan semuanya diletakkan di Semenanjung Malaysia. Di Negeri Sarawak kemudahan-kemudahan untuk pelajaran tinggi masih sangat berkurangan. Bagi pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti, mereka terpaksa memohon untuk masuk ke salah satu sebuah universiti di Semenanjung Malaysia atau di luar negeri. Masalah yang biasanya timbul ialah bukan sahaja bilangan yang berjaya diterima masuk kecil, tetapi juga dari segi kewangan. Untuk memberi peluang yang lebih baik bagi pelajar-pelajar di Negeri Sarawak untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti dan demi kepentingan integrasi kebangsaan, saya ingin mengesyorkan bahawa cawangan kampus Universiti Pertanian Malaysia di Bintulu dijadikan sebuah universiti penuh, iaitu universiti ke 7 dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun, ekspektasi rakyat pun makin meningkat taraf perkhidmatan perubatan dalam negara kita, khasnya di peringkat kepakaran. Saya ingin mengesyorkan bahawa lebih banyak peluang harus diberi kepada doktor-doktor tempatan kita untuk mengambil kursus-kursus kepakaran dalam berbagai bidang di luar negeri. Selain daripada langkah tersebut, saya juga ingin mengesyorkan bahawa langkah-langkah harus juga diambil untuk menambah kemudahan-kemudahan latihan untuk pakar-pakar perubatan, misalnya, bagi melatih pakar-pakar doktor jantung (heart specialist) harus ditambah. Pada masa sekarang ramai pesakit-pesakit jantung terpaksa pergi ke nagara jiran kita, iaitu Singapura untuk mendapat rawatan kepakaran. Perbelanjaannya biasanya sangat besar. Bagi pesakit-pesakit yang berpendapatan biasa mereka memanglah tidak mampu mendapat rawatan tersebut di Singapura.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat, panjang lagi?

Dr George Chan Hong Nam: Lagi 10 minit.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Boleh sambung esok.

Dr George Chan Hong Nam: Terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang dan sidang akan disambung semula pada pukul 3.00 petang esok, Jumaat, 30hb Mac, 1984.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.